

"MEREKA yang paling banyak mengingat mati dan yang paling baik persediaannya untuk menghadapi perkara sesudah mati, mereka itulah yang paling bijak".

- Hadis Riwayat Ibnu Majah

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.47 | SUBUH 4.57 | SYURUK 6.21 | DUHA 6.45 | ZUHUR 12.17 | ASAR 3.39 | MAGHRIB 6.11 | ISYAK 7.26

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 151

17 DISEMBER 2025 / 1447 جمادي الآخر 26

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

BERKENAN HANTAR PERUTUSAN TAKZIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Perdana Menteri Australia, The Honourable

Anthony Albanese MP, kerajaan dan rakyat Australia berikutan dengan serangan penganas yang berlaku di Bondi Beach, Sydney, Australia baru-baru ini.

Pasukan Polo NBD tewaskan Pasukan Republik Indonesia

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANGKOK, THAILAND, Isnin, 15 Disember. - Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam (NBD) beraksi cemerlang setelah menewaskan Pasukan Polo Republik Indonesia dengan keputusan mata 9 - 2 pada Perlawanan Polo bagi *high goal* pada Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, 2025 yang berlangsung di Padang Vs Sports Club & Siam Polo Park, Bangkok, Thailand.

>> Muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mewakili Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



22.5kg pukut terbiar dialihkan dari Dolphin Wreck

Siaran Akhbar :
Jabatan Perikanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Disember. - Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dengan kerjasama Oceanic Quest Sdn. Bhd., baru-baru ini melaksanakan operasi pengalihan pukut terbiar (*ghost net*) seberat 22.5 kilogram (kg) di kawasan penyelaman Dolphin Wreck, susulan dua laporan berasingan daripada syarikat tersebut. Dolphin Wreck merupakan salah satu lokasi penyelaman popular kerana ia berperanan sebagai habitat penting bagi pelbagai spesies ikan dan hidupan laut.

Penemuan pukut terbiar bukanlah perkara baharu, di mana sebelum ini, Jabatan Perikanan telah melaksanakan beberapa aktiviti pengalihan pukut di kawasan lain, bertujuan untuk mengurangkan risiko terhadap hidupan laut, stok ikan, dan memastikan keselamatan penyelam.

>> Muka 6

Melahirkan graduan berkemahiran, bersedia hadapi cabaran

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Disember. - Seramai 10 pelajar Negara Brunei Darussalam (NBD) terdiri daripada pelajar Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berjaya menamatkan Osaka University International Certificate Programme (OUICP) 2024.

Sehubungan itu, majlis penyampaian sijil

bagi program tersebut berlangsung di Dewan Kuliah 2, Kompleks Perpustakaan, UTB.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Turut hadir, Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman ; Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; serta Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Haji Arman bin Haji Asmad.

>> Muka 3

20 pelajar terima sumbangan Gleneagles JPMC

Oleh : Aimi Sani

MADANG, Isnin, 15 Disember. - Pelajar kurang bernasib baik terus mendapat perhatian dari pelbagai pihak di negara ini.

Sehubungan itu, Gleneagles JPMC dengan kerjasama Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) Brunei serta kakitangan sukarelawan hospital tersebut, hari ini julung kalinya mengadakan Program Bantuan Kembali ke Sekolah bagi seramai 20 pelajar dengan tujuan untuk membantu pelajar

kurang bernasib baik membuat persediaan untuk tahun persekolahan baharu pada 2026.

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) itu berlangsung di Samima Sendirian Berhad cawangan Madang di mana sukarelawan Gleneagles JPMC berkumpul untuk bertemu keluarga dan menemani pelajar ketika mereka memilih peralatan sekolah yang mereka perlukan untuk sesi persekolahan tahun depan.

>> Muka 5



Berita Utama



PROGRAM bina jati diri, sahsiah Islamiah

Muka 4




TINGKATKAN kesedaran kepentingan perancangan persaraan

Muka 7



KONGSI pengalaman rawatan, mengatasi kanser payudara

Muka 8



RENCANA

JAGA kebersihan tandas, bantu bina masyarakat sihat, bersih, selesa untuk semua

Muka 19

KHEDN terus melaksanakan inisiatif strategik capai Wawasan Brunei 2035

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyrafil Anbiya Ewal Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin, limpah rahmat serta hidayah-Nya jua, kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN). Peramba / kaola / saya bagi mewakili pihak Pengurusan Eksekutif, ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua bahagian serta seluruh warga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

(KHEDN) sukacita mengalu-alukan keberangkatan dan kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli MMN ke sesi muzakarah pada pagi ini.

Pada tahun ini, sekali lagi Sesi Muzakarah telah diselenggarakan dengan acara hari terbuka KHEDN iaitu Kenali KementerianKu. Acara seumpama ini menjadi wadah yang memberikan peluang kepada Yang Berhormat Ahli-ahli MMN untuk berinteraksi secara aktif, bertanya secara langsung, meneliti dan memahami secara lebih dekat fungsi, peranan serta perkhidmatan yang dilaksanakan oleh KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya. Di samping itu, acara seumpama ini juga adalah wadah untuk menyokong perkembangan ekonomi komuniti dan seterusnya menggalakkan orang ramai untuk berkunjung dan mengenali produk tempatan dari Satu

Kampung Satu Produk (1K1P) dan Produk INSAF yang dipamerkan di petak-petak jualan.

Peramba / kaola / saya berharap agar Sesi Muzakarah pada kali ini tidak hanya tertumpu kepada perbincangan mengenai isu-isu atau cabaran sedia ada. Sebaliknya, peramba / kaola / saya amat menggalakkan agar penumpuan perbincangan diberikan kepada cadangan serta saranan strategik yang dapat menyumbang kepada pembangunan KHEDN khasnya dan negara amnya sama ada untuk jangka masa pendek, sederhana mahupun panjang. Pendekatan sebegini amat penting bagi membantu Kementerian ini dan Negara Brunei Darussalam (NBD) secara keseluruhan untuk terus berkembang maju seiring dengan arus globalisasi dan transformasi digital, dalam usaha kita mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sukacita juga, peramba / kaola / saya memaklumkan bahawa pihak KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya, alhamdulillah, telah secara berterusan dan khasnya di antara bulan September 2024, iaitu sejak sesi terakhir muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli MMN diadakan sehingga November 2025, telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan pembaharuan yang merangkumi beberapa aspek antaranya dari segi kesejahteraan dan kemaslahatan masyarakat; pembangunan sosioekonomi; memeduli golongan rentan; menangani bencana dan insiden kebakaran; serta pengukuhan perundangan dan perhubungan antarabangsa. InsyaaAllah, inisiatif-inisiatif



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Sesi Muzakarah di antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung pada Isnin, 24 November 2025, bertempat di Bilik Mesyuarat, Tingkat 4, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

PERAMBA / kaola / saya berharap agar Sesi Muzakarah pada kali ini tidak hanya tertumpu kepada perbincangan mengenai isu-isu atau cabaran sedia ada. Sebaliknya, peramba / kaola / saya amat menggalakkan agar penumpuan perbincangan diberikan kepada cadangan serta saranan strategik yang dapat menyumbang kepada pembangunan KHEDN khasnya dan negara amnya sama ada untuk jangka masa pendek, sederhana mahupun panjang. Pendekatan sebegini amat penting bagi membantu Kementerian ini dan Negara Brunei Darussalam (NBD) secara keseluruhan untuk terus berkembang maju seiring dengan arus globalisasi dan transformasi digital, dalam usaha kita mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER	HARI	JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
17	RABU	26	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26
18	KHAMIS	27	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27
19	JUMAAT	28	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27
20	SABTU	29	4.49	4.59	6.23	6.47	12.19	3.41	6.13	7.28
21	AHAD	30	4.49	4.59	6.23	6.47	12.19	3.41	6.13	7.28
22	ISNIN	1 REJAB	4.50	5.00	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14	7.29
23	SELASA	2	4.50	5.00	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14	7.29

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	32 25 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	32 25 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	31 25 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	32 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 17 DISEMBER 2025

Dedahkan Anak-Anak kepada Tempat-Tempat Bersejarah Brunei

DALAM era globalisasi dan ledakan teknologi ini, identiti budaya dan akar sejarah semakin terhakis dalam minda generasi muda. Negara Brunei Darussalam ialah sebuah negara yang kaya dengan warisan Kesultanan Melayu Islam Beraja, usaha mendedahkan anak-anak kepada budaya dan tempat bersejarahnya bukan sekadar aktiviti santai, tetapi satu pelaburan penting untuk pembangunan jati diri dan kecintaan terhadap negara.

Pendedahan awal kepada budaya dan sejarah berfungsi sebagai 'akar' yang mengukuhkan siapa diri mereka. Melalui aktiviti ini, anak-anak bukan sahaja mengenali nama tempat atau tarikh, tetapi memahami nilai-nilai di sebaliknya – ketaatan, kesopanan, keberanian nenek moyang, dan kestabilan sistem pemerintahan. Ia membina rasa bangga dan rasa memiliki, sekaligus berperanan sebagai benteng halus daripada pengaruh budaya asing yang tidak selari dengan identiti nasional. Dalam jangka panjang, generasi yang menghayati budaya dan sejarah akan menjadi warga yang lebih bertanggungjawab dalam memelihara kedaulatan dan keharmonian negara.

Brunei mempunyai banyak lokasi yang boleh dijadikan ruang pembelajaran interaktif yang menyeronokkan. Antaranya ialah Muzium Brunei dan Muzium Teknologi Melayu yang menawarkan gambaran menyeluruh tentang kehidupan awal, perdagangan maritim, dan kemajuan masyarakat Brunei. Pameran artifak seperti tembikar, senjata, dan perhiasan emas pasti menarik perhatian kanak-kanak. Kampung Ayer dikenali sebagai 'Venice of the East' bukan sekadar perkampungan di atas air. Ia adalah simbol ketahanan dan adaptasi orang Brunei. Membawa anak-anak melawat ke Kampung Ayer, menjelajahi jejantasnya, dan berinteraksi dengan penduduk tempatan memberi pengalaman langsung tentang warisan hidup yang unik. Selain itu, kita juga mempunyai beberapa bangunan ikonik seperti Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien, dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, ianya bukan sahaja mercu tanda indah, tetapi lambang keagungan Islam dan sistem beraja. Bangunan-bangunan ini mempunyai kisah di sebalik pembinaannya yang menjadikannya sangat bermakna.

Pendedahan anak-anak kepada tempat-tempat bersejarah harus bermula dari rumah dan disokong oleh sekolah. Apa yang boleh dilakukan oleh ibu-bapa ialah menjadikan lawatan ke tempat bersejarah sebagai aktiviti keluarga rutin dan bercerita tentang sejarah Brunei dengan cara yang mudah difahami dan menarik. Mendedahkan anak-anak kepada budaya dan tempat bersejarah Brunei adalah tanggungjawab kolektif. Ia adalah proses menyemai benih kecintaan terhadap negara dan penghayatan yang akan tumbuh subur seiring dengan usia mereka. Dengan melibatkan mereka secara langsung, kita tidak sekadar memelihara batu dan bangunan, tetapi memastikan jiwa dan nilai-nilai kebruneian terus hidup, diwarisi, dan dikagumi oleh generasi demi generasi. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

PASUKAN POLO NBD TEWASKAN PASUKAN REPUBLIK INDONESIA

>> Muka 1

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD berkenan berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan.

Berangkat mewakili Pasukan Polo NBD, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga berangkat menyertai, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji



BERANGKAT mewakili Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam (NBD), Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Turut berangkat menyertai, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah (atas kiri dan atas kanan).

Jefri Bolkiah.

Dalam perlawanan *chukka* pertama menyaksikan Pasukan Polo NBD mendapat 2 mata melalui Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar, sementara Pasukan Polo Republik Indonesia pula mendapat 1 mata.

Pada perlawanan *chukka*



THAILAND 2025

kedua pula, Pasukan Polo NBD menambah 4 lagi mata iaitu 2 mata melalui Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar, dan 2 mata melalui Farid Abdullah, manakala Pasukan Polo Republik Indonesia memperoleh tambahan 1 mata, menjadikan kedudukan mata 6 - 2.



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

Masuk *chukka* ketiga, Pasukan Polo NBD terus menjarakkan jurang mata apabila Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar menambah 2 lagi mata menjadikan

kedudukan 8 - 2. Pada perlawanan *chukka* keempat, Pasukan Polo NBD memperoleh tambahan 1 mata melalui Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar sekali gus menjadikan keputusan 9 - 2 pada perlawanan tersebut.

Melahirkan graduan berkemahiran, bersedia hadapi cabaran

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

>> Muka 1

Sementara itu, Dr. Haji Azman dalam ucapannya menjelaskan, dari perspektif Kementerian Pendidikan, khususnya dalam bidang pendidikan tinggi, program seperti OUICP sangat penting dalam melahirkan graduan yang bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

Selain menguasai bidang pengajian masing-masing, pendidikan tinggi perlu memupuk kemahiran berfikir secara kritis, penyelesaian masalah, serta minda penyelidikan yang kukuh - iaitu kemahiran yang membolehkan graduan menyumbang secara berkesan kepada inovasi, industri dan pembangunan negara.



TETAMU kehormat semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang graduan Kohort OUICP 2024.

"Osaka University International Certificate Program yang ditubuhkan melalui kerjasama erat antara UBD, UTB, UNISSA dan Universiti Osaka, merupakan contoh jelas nilai kerjasama akademik antarabangsa.

"Melalui kursus berstruktur, aktiviti pembelajaran praktikal serta pendedahan kepada pelbagai perspektif, para peserta digalakkan untuk berfikir secara analitikal, bekerja secara kolaboratif, serta menangani cabaran dengan sikap ingin tahu secara intelektual dan ketelitian ilmiah," ujarnya.

Di NBD tambahnya, kita terus menekankan usaha memperkukuh kesedaran dan keupayaan penyelidikan dalam kalangan universiti dan ini termasuk melahirkan graduan yang bukan sahaja berkemahiran, tetapi juga berupaya mengaplikasikan pengetahuan secara bertanggungjawab dan kreatif dalam menangani cabaran dunia sebenar.

Sehubungan itu jelasnya lagi, OUICP melengkapi usaha berterusan kita untuk meningkatkan kualiti dan kerelevanan pendidikan tinggi.

Pada majlis itu, tetamu kehormat juga menyampaikan sijil-sijil kepada graduan Kohort OUICP 2024.



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah 2, Kompleks Perpustakaan, Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Acara juga diisi dengan tayangan video yang memaparkan pengalaman para pelajar sepanjang berada di Jepun.

Pelajar-pelajar yang berjaya menamatkan OUICP 2024 ialah Dayang Nur Yasmeen Syukrina binti Mohd. Yussof, Awang Mohammad Abdul Muiz bin Haji Sahminan dan Dayang Nur Wardina binti Abu Bakar dari UTB; Dayang Raudhatun Na'amah binti Haji Samsul, Dayang Nur Aziyah

binti Sofriazmi dan Dayang Nurul Asyiqin binti Zulkiflee dari UBD; serta Dayang Nurul Fatin Nabihah binti Zaini, Dayang Siti Majidah binti Rahim, Dayang Siti Nurul Bazilah binti Haji Mohaimin dan Awang Mohammad Hasan Basri bin Haji Hanipah dari UNISSA.

Majlis diakhiri dengan sambutan bagi pelajar OUICP 2025, yang terdiri daripada tiga pelajar dari UTB, dua pelajar dari UBD dan tiga pelajar dari UNISSA.

سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

3

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PUPUK HUBUNGAN ANTARA RAKYAT, PERKUKUH KEFAHAMAN BUDAYA



MAJLIS penutup Program Penghayatan Budaya anjuran Universiti Brunei Darussalam (UBD) bersama The University of Western Australia (UWA) telah diserikan dengan adanya pertemuan dengan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Michael Hoy (atas dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Selasa, 16 Disember. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menamatkan Program Penghayatan Budaya yang diadakan selama empat minggu bersama The University of Western Australia (UWA) di bawah Global Discovery Programme, iaitu program jangka pendek pertama antara kedua-dua institusi tersebut.

Program berkenaan telah disertai seramai 11 mahasiswa yang dibiayai melalui Pelan Colombo Baharu (New Colombo Plan - NCP) Kerajaan Australia, bagi pengalaman transformatif yang menggabungkan pembelajaran akademik dan penghayatan budaya di Negara Brunei Darussalam (NBD).

NCP merupakan inisiatif Kerajaan Australia yang bertujuan memperkukuh hubungan negara itu di rantau Indo-Pasifik melalui

sokongan kepada mahasiswa Australia untuk menyertai Program Biasiswa, Program Semester dan Program Mobiliti.

Penyertaan pelajar UWA di bawah NCP mencerminkan kepentingan yang diberikan terhadap usaha memupuk hubungan antara rakyat serta memperkukuh kefahaman serantau melalui pendidikan.

Majlis penutup telah diadakan kelmarin bagi memperingati kejayaan pelaksanaan program sulung ini.

Dalam ucapannya, Pengarah di Pejabat Penolong Naib Canselor (Perhubungan Global) UBD, Dayang Hajah Irmawati binti Haji Ahmad, berkata, program jangka pendek tersebut telah membolehkan para pelajar yang terlibat mengalami NBD dengan cara yang lebih bermakna dan peribadi.

Seiring dengan penutupan



program, para pelajar UWA turut berpeluang mengadakan pertemuan dengan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Michael Hoy, di Ruang Bicara Minda, Perpustakaan Universiti, UBD.

Dalam sesi tersebut, para pelajar berkongsi mengenai pengalaman akademik, budaya serta pembelajaran berasaskan pengalaman mereka di NBD.

Semasa berucap, Tuan Yang Terutama merakamkan penghargaan kepada UBD atas penganjuran program tersebut serta layanan yang diberikan kepada para pelajar UWA, di samping menggalakkan para pelajar untuk berkongsi pengalaman dan pembelajaran mereka di NBD dengan rakan-rakan serta keluarga

sekembalinya ke Australia.

Mewakili UWA, Ketua Sekolah, Sekolah Sains Sosial, UWA, Profesor Amanda Davies, turut menyampaikan penghargaan kepada UBD atas penganjuran program serta mengiktiraf dedikasi dan komitmen tinggi jawatankuasa penganjur.

Beliau menjelaskan, sokongan itu memainkan peranan penting dalam membantu para pelajar UWA memahami rantau ini dengan lebih mendalam.

Beliau juga menekankan peranan NCP sebagai platform penting yang membolehkan pelajar mempelajari kepelbagaian budaya dan membawa pulang pengajaran tersebut ke Australia.

Sementara itu, wakil pelajar UWA, Maniya Amin, mengongsikan bahawa pengalaman unik

berkenaan telah memberikan mereka pengajaran yang tidak dapat diperoleh melalui buku teks atau di dalam bilik darjah.

Para pelajar UWA menambah, program berkenaan telah meningkatkan kefahaman mereka terhadap budaya NBD serta memberikan pendedahan bermakna kepada komuniti tempatan, tradisi dan persekitaran semula jadi.

Mereka menekankan hubungan persahabatan yang terjalin bersama pelajar UBD, lawatan ke tapak warisan budaya, serta penyertaan dalam aktiviti berasaskan pengalaman seperti Canopy Walk di Taman Negara Ulu Temburong, yang meninggalkan kesan mendalam dan memberikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan.

Program bina jati diri, sahsiah Islamiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Disember. - Program Perkhemahan Mahabbah Lillah Ke-11 anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang diselenggarakan oleh Kumpulan al-Qudwah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah diadakan pada 13 hingga 15 Disember 2025 dan melabuhkan tirai hari ini di Dewan Auditorium, UNISSA.

Tema 'Z Squad: Bina Akhlak, Bentuk Ummah' merupakan salah satu daripada tujuan utama bagi mencapai matlamat Program Perkhemahan Belia Hijrah Mahabbah Lillah pada tahun ini.

Tema ini menekankan kepentingan pembinaan akhlak mulia dalam kalangan belia Islam, khususnya Generasi Z, yang merupakan pewaris dan pemimpin masa hadapan ummah.

'Z Squad' melambangkan golongan belia masa kini yang dinamik, bersemangat tinggi dan mempunyai potensi besar dalam membentuk masyarakat Islam yang sejahtera, berilmu dan berakhlak mulia.

Program tersebut bertujuan untuk membina jati diri dan sahsiah Islamiah dalam diri para peserta agar mereka mampu menjadi

PENOLONG Pengarah Urusan Perkhidmatan Kebajikan & Pembangunan Sosial, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hadir menyempurnakan penyampaian sijil pada Majlis Penutup Program Perkhemahan Mahabbah Lillah Ke-11 (kanan dan bawah kiri).

contoh teladan yang baik serta menjauhi gejala sosial yang merosakkan seperti gangguan seksual dan buli.

Melalui penghayatan tema ini, para belia digalakkan untuk mengamalkan nilai-nilai Islam seperti kasih sayang, hormat - menghormati, amanah, dan tanggungjawab sosial dalam kehidupan seharian.

Selain itu, tema ini juga menekankan kepentingan membentuk ummah yang berakhlak dan bersatu padu dengan menjadikan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan dalam kehidupan.

Pembinaan akhlak yang kukuh akan melahirkan generasi belia yang beriman, berdisiplin dan berintegriti, sekali gus



■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

menyumbang kepada pembentukan ummah yang cemerlang, berdaya maju dan diredhai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Pelbagai aktiviti menarik dilaksanakan sepanjang program termasuk sesi motivasi, bengkel pengurusan masa, bengkel pencegahan buli dan gangguan seksual, khidmat masyarakat, aktiviti lasak, Qiamullail, forum interaktif dan lain-lain.

Majlis penutup disempurnakan oleh Penolong Pengarah Urusan

Perkhidmatan Kebajikan & Pembangunan Sosial, YSHHB, Awang Iswandy bin Ahmad.

Turut hadir, Pemangku Penolong Rektor Akademik, UNISSA, Dr. Hambali bin Haji Jailli, serta pegawai-pegawai dari YSHHB dan UNISSA.

Dengan penyertaan 50 peserta belia dari seluruh negara, program berkenaan diharap akan mampu menjadi pemangkin kepada kesinambungan pembangunan sahsiah dan kepimpinan generasi muda Islam di negara ini.



BAZAR HUJUNG TAHUN 2025 DIRASMIKAN



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Disember. - Majlis Perundingan Kampung Kasat dengan sokongan Jabatan Daerah Brunei dan Muara menganjurkan Bazar Hujung Tahun 2025, selama empat hari, bermula 15 hingga 18 Disember 2025 bertempat di Dewan Muhibbah, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Sehubungan dengan itu, majlis perasmian bazar berkenaan diadakan pagi tadi dan disempurnakan oleh Pemangku

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Penganjuran bazar ini bertujuan untuk menyokong usahawan kecil dan sederhana, khususnya peniaga tempatan, di samping menyediakan platform ekonomi yang mampan serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat setempat.

Bazar ini disertai oleh pelbagai peniaga tempatan yang

PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir menyempurnakan majlis perasmian Bazar Hujung Tahun 2025 (kiri), sementara gambar kanan, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara menyaksikan salah sebuah reruai yang menjual produk tempatan.

menawarkan aneka makanan, minuman, produk kraftangan, pakaian serta barangan keperluan harian, juga dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti sampingan seperti persembahan pentas, cabutan bertuah serta program kemasyarakatan.

Bazar ini diharap dapat menjadi tarikan utama bagi pengunjung untuk mengisi masa lapang bersama keluarga menjelang penutupan tahun 2025.

Orang ramai dijemput hadir beramai-ramai bagi memeriahkan bazar ini serta menyokong produk dan perniagaan tempatan.

Kehadiran masyarakat amat dialu-alukan bagi menjayakan usaha membina komuniti yang lebih berdaya saing dan sejahtera.

BAZAR Hujung Tahun 2025 yang mengambil tempat di Dewan Muhibbah, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas turut dimeriahkan dengan persembahan pentas.



20 pelajar terima sumbangan Gleneagles JPMC

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



KETUA Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan baucar kepada para penerima. Turut hadir, Yang Dipertua MKM Brunei, Yusof Halim (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, acara tersebut telah berlangsung di Samima Sendirian Berhad cawangan Madang.

>> Muka 1

Menambah nilai inisiatif itu, Samima turut memberikan diskaun 10 peratus pada setiap resit, sekali gus membolehkan bantuan tersebut dimanfaatkan dengan lebih meluas untuk menyokong keperluan kanak-kanak.

Hadir sebagai tetamu kehormat ialah Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay, yang secara peribadi menyambut keluarga dan menyampaikan pakej bantuan yang disediakan untuk setiap pelajar.

Beliau juga turut menyampaikan baucar beli-belah Samima bernilai BND200 berserta wang tunai BND50 kepada setiap kanak-kanak, membolehkan mereka membeli barangan keperluan sekolah

mengikut keperluan masing-masing.

Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua MKM Brunei, Yusof Halim yang mencerminkan kerjasama padu antara pertubuhan dan hospital dalam memartabatkan masyarakat.

Terdahulu, Ketua Pegawai Operasi Gleneagles JPMC, Awang 'Izzul Hamzi bin Haji Jomari dalam ucapannya mengongsikan bahawa walaupun penjagaan kesihatan kekal sebagai tumpuan utama hospital, tanggungjawabnya melangkaui tembok hospital, dengan pendidikan memainkan peranan yang sama penting dalam membentuk masa depan yang lebih baik.

Beliau menambah bahawa inisiatif itu bukan sahaja mengenai

penyediaan peralatan sekolah, tetapi juga tentang memberi galakan, keyakinan, dan jaminan kepada kanak-kanak ketika mereka membuat persiapan untuk tahun persekolahan baharu.

Sukarelawan meluangkan masa untuk memahami keperluan individu setiap kanak-kanak, memastikan mereka menerima item yang sesuai untuk tahap dan keperluan sekolah mereka.

Interaksi tersebut mewujudkan hubungan yang bermakna antara hospital, keluarga dan komuniti yang lebih luas, seterusnya menyerlahkan semangat belas kasihan dan kerja berpasukan di sebalik inisiatif kembali ke sekolah yang julung kali diadakan ini.

Gleneagles JPMC berharap program ini akan dapat diteruskan

lagi, selain dapat mengukuhkan hubungan masyarakat dan menyokong lebih banyak keluarga pada tahun-tahun akan datang.



22.5KG PUKAT TERBIAR DIALIHKAN DARI DOLPHIN WRECK

>> Muka 1

Aktiviti berterusan ini menunjukkan komitmen jabatan itu dalam memulihara ekosistem marin serta menangani isu Abandoned, Lost, or Otherwise Discarded Fishing Gear (ALDFG) termasuk pukat terbiar secara berkesan.

Pukat terbiar termasuk dalam kategori ALDFG, iaitu peralatan menangkap ikan yang ditinggalkan, hilang, atau dibuang, dan isu ini mendapat perhatian meluas

kerana implikasinya terhadap persekitaran marin dan ekonomi, termasuk risiko navigasi dan keselamatan maritim.

ALDFG berupaya menangkap ikan secara berterusan, termasuk spesies sasaran dan bukan sasaran, yang menjejaskan stok ikan, spesies terancam, serta habitat dasar laut, selain mengakibatkan pencemaran sisa marin yang menjejaskan biodiversiti laut dan kesejahteraan komuniti pesisir laut.

Penemuan pertama dilaporkan

pada Ahad, 16 November 2025, oleh penyelam Oceanic Quest Sdn. Bhd., di mana pukat terbiar tersebut didapati memerangkap beberapa ikan hidup dan menyebabkan kematian.

Susulan laporan itu, penyelam Jabatan Perikanan bersama Oceanic Quest berjaya mengalihkan pukat tersebut, dengan anggaran berat 14kg.

Penemuan kedua dilaporkan pada Sabtu, 22 November 2025, dimana satu lagi pukat terbiar ditemui di tempat yang sama.

Operasi pengalihan pukat terbiar segera dijalankan oleh penyelam Oceanic Quest dengan seberat 8.5kg. Pukat-pukat yang ditemui telah dikumpulkan bagi tujuan pelupusan atau diktir semula.

Insiden sebegini berpotensi berlaku secara meluas di perairan negara, namun sebahagian besar mungkin tidak dikesan atau dilaporkan.

Kehadiran pukat terbiar secara

OPERASI pengalihan pukat terbiar dijalankan oleh penyelam Oceanic Quest (atas kanan). Manakala gambar kiri, pukat yang terkumpul bagi tujuan pelupusan atau diktir semula.



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perikanan

berterusan menjejaskan karang, merosakkan habitat dasar laut, dan menimbulkan risiko kematian terhadap hidupan laut, sekali gus mengganggu keseimbangan ekosistem marin negara secara keseluruhan.

Dalam usaha menangani isu ini, Jabatan Perikanan menasihatkan semua nelayan untuk menerapkan sikap lebih bertanggungjawab terhadap penggunaan peralatan menangkap ikan termasuk memastikan semua pukat dan alat tangkapan dijaga dengan baik, dan mengelakkan pembuangan secara sengaja ke perairan.

Jabatan turut menekankan kepentingan melaporkan sebarang kehilangan peralatan kepada pihak Jabatan dengan segera, bagi membolehkan tindakan pantas diambil untuk mencegah kerosakan ekosistem marin serta

mengurangkan risiko kepada hidupan laut dan keselamatan penyelam.

Selaras dengan tema Hari Lautan Sedunia 2025, 'Keajaiban: Memulihara Apa Yang Memulihara Kita (Wonder: Sustaining What Sustains Us)', pihak jabatan menekankan bahawa penglibatan aktif komuniti nelayan dan sokongan pihak berkuasa amat penting dalam usaha memulihara dan memulihkan ekosistem marin, menyokong kelestarian biodiversiti laut, dan memastikan laut terus menjadi sumber kehidupan yang selamat, produktif, dan lestari.

Jabatan Perikanan menyeru semua pihak untuk bekerjasama dalam menjaga kebersihan laut, mematuhi amalan perikanan lestari, dan mengambil peranan aktif dalam memastikan sumber laut terus lestari.



Peluang mendapatkan buku, jurnal, majalah terbitan PSB



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Disember. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) giat menerbitkan pelbagai bahan bacaan dalam bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Arab mengenai persejarahan Negara Brunei Darussalam (NBD) daripada aspek politik, ekonomi dan sosial.

Dengan adanya penerbitan seumpama berkenaan, pengetahuan dan informasi mengenai sejarah negara dan bangsa NBD dapat dikongsi dengan semua lapisan masyarakat sama ada di dalam atau luar negara, agar boleh dijadikan sebagai rujukan, pengajaran dan pedoman pada masa kini dan akan datang.

Dalam usaha memperkaya dan mempelbagai lagi buku, jurnal dan majalah mengenai persejarahan negara, sebanyak 11 buah terbitan baharu telah diterbitkan pada tahun ini, iaitu tujuh buah buku, satu keluaran jurnal dan tiga keluaran majalah.

Buku 'Aspirasi Negara : Mahkota

Bangsa' (Jilid I) memaparkan rintisan perjalanan persejarahan NBD dalam melestarikan nilai-nilai kehidupan berbangsa dan beragama yang berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Sementara buku 'Kampung Ayer: Warisan Bangsa Brunei' pula merupakan hasil terjemahan buku berbahasaInggeris 'On the Fringe of Eastern Seas : The City of Many Waters', karya Peter Blundell. Beliau mengongsikan pengalaman semasa bertugas sebagai pengurus di sebuah kilang ubar pada abad ke-19 Masihi di NBD.

Manakala, buku 'Sultan Abdul Momin (1852-1885) : Sejarah Perkembangan Politik, Ekonomi dan Sosial Brunei' merupakan hasil kajian yang antaranya membincangkan mengenai kemaraan kuasa British yang dipelopori oleh James Brooke dan Charles Brooke di Sarawak, dan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British di Borneo Utara semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin,

Sultan Brunei Ke-24.

Sementara, buku "Aktiviti Sejarah Sultan-sultan Brunei : Sebuah Biografi Ringkas" pula memaparkan soalan-soalan mengenai kesultanan Brunei dalam format interaktif dan menyeronokkan seperti susun mengikut kronologi, cari perkataan dan teka silang kata. Buku berkenaan boleh digunakan sebagai alat bantu pembelajaran para pelajar peringkat sekolah rendah dan menengah yang boleh menguji minda dan pengetahuan.

Penceritaan dengan ilustrasi yang menarik sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan para murid dan pelajar. Gaya penyampaian berkenaan terdapat dalam buku 'Pengiran Indera Mahkota : Gabenor Sarawak (1824-1842)' yang menceritakan mengenai Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muhammad Salleh yang dilantik menjadi Gabenor di Sarawak pada 1824, telah berhadapan dengan kedatangan dan lantikan James Brooke menjadi Gabenor Sarawak pada 1841.

Buku "Sultan Bolkiah' (English Version) pula, menceritakan zaman kegemilangan dan keemasan empayar NBD semasa pemerintahan baginda sebagai Sultan Brunei Kelima.

Selain itu juga, buku 'Castillian War' mengisahkan peperangan yang tercetus pada 1578 disebabkan usaha penaklukan dan penyebaran agama Kristian oleh tentera Sepanyol ke atas Negeri Brunei. Kedua-dua buku cerita bergambar sejarah NBD

berkenaan merupakan hasil terjemahan buku berbahasa Melayu.

Sementara 'Jurnal Darussalam' Bilangan 24 memuatkan enam buah artikel, antaranya ialah 'Brunei Relations with Singapore : 1819-1983', 'Perbandingan Hubungan Kesultanan Brunei dan Aceh dengan Kerajaan - kerajaan Serantau' dan 'A Detailed History of Sultan Ahmad Tajuddin Akhazul Khairi Waddien's Coronation Ceremony (1940) : Empowering Adat Istiadat Diraja Brunei'.

Manakala, majalah 'Pusaka' Bilangan 56 memuatkan penulisan sejarah dan hasil penyelidikan antaranya ialah 'Rombakan Menteri-menteri Kabinet di Negara Brunei Darussalam dari Tahun 2010 hingga 2022', 'Kampung Bokok', 'Sekolah Rendah Rataie', dan 'Allahyarham Pehin Orang Kaya Perbendaharaan Diraja (Begawan Pehin Khatib) Dato Seri Setia Haji Awang Ali Hussain bin Khatib Awang Mohammad'.

Sementara itu, majalah 'Wahana Sejarah' memaparkan informasi

persejarahan negara melalui infografik, iaitu gabungan rencana dan grafik atau ilustrasi. Bagi keluaran kedua, memuatkan antaranya ialah 'Lagu kebangsaan Brunei', 'Sejarah Awal Matawang Brunei'; dan 'Sekolah Melayu Lela Menchanai'.

Keluaran ketiga pula memuatkan antaranya mengenai 'Perhimpunan Agung Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 1984', 'Sultan Ahmad (Pateh Berbai)' dan 'Bendera Kebangsaan Brunei (Siri I)'.

Orang ramai yang berminat untuk mendapatkan buku, jurnal dan majalah PSB, dialu-alukan untuk berkunjung ke Kedai Buku PSB, Bandar Seri Begawan semasa waktu bekerja.

Sempena jualan hujung tahun 2025 dan awal tahun 2026 ini, jualan promosi buku, jurnal dan majalah terbitan PSB dengan potongan harga yang istimewa diadakan di Kedai Buku PSB mulai 1 Disember 2025 hingga 10 Januari 2026.

Pembeli juga berpeluang untuk mendapatkan penanda buku magnetik dan magnet PSB.



SEMPENA jualan hujung tahun 2025 dan awal tahun 2026 ini, jualan promosi buku, jurnal dan majalah terbitan PSB dengan potongan harga yang istimewa diadakan di Kedai Buku PSB mulai 1 Disember 2025 hingga 10 Januari 2026.

TINGKATKAN KESEDARAN KEPENTINGAN PERANCANGAN PERSARAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja



SESI bergambar ramai pada Program 10 Tahun Menjelang Persaraan yang berlangsung kelmarin di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Disember. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui Unit Perkhidmatan Persaraan telah meneruskan usaha jangkauan (*outreach*) kepada ahli-ahli TAP melalui Program 10 Tahun Menjelang Persaraan yang berlangsung kelmarin di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Program ini merupakan inisiatif berterusan TAP yang disasarkan kepada ahli-ahli TAP yang akan bersara dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang (umur 45 tahun ke atas).

Antara objektif utama program tersebut adalah untuk

meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan membuat perancangan persaraan lebih awal bagi mencapai gaya hidup persaraan yang diinginkan.

Ia juga bertujuan untuk memudahkan akses peserta kepada institusi yang boleh membantu dalam membuat perancangan kewangan yang lebih teratur, meningkatkan kewaspadaan terhadap penipuan kewangan, serta memupuk komuniti yang menyokong satu sama lain dalam perjalanan perancangan persaraan mereka.

Program kali ini menghimpunkan pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan; Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AITI), dan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD).

Sepanjang program berkenaan, TAP telah mengongsikan beberapa faktor penting yang perlu dipertimbangkan dalam membuat perancangan persaraan antaranya menetapkan matlamat pendapatan persaraan dengan mengenal pasti keperluan semasa bersara nanti, serta tindakan yang perlu diambil mulai sekarang untuk mengecapi

matlamat tersebut.

TAP turut menerangkan mengenai Caruman Sukarela yang membolehkan ahli menambah simpanan ke dalam SPK Akaun Ahli sebagai usaha meningkatkan jumlah simpanan untuk kegunaan persaraan kelak.

Pada masa yang sama, TAP turut mengingatkan pengeluaran yang dibuat sebelum umur persaraan, biarpun memenuhi keperluan tertentu, akan mengurangkan jumlah simpanan yang sedia ada.

Justeru itu, ahli digalakkan untuk membuat pertimbangan yang teliti sebelum membuat sebarang pengeluaran.

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) turut dijemput untuk menyampaikan taklimat berkaitan isu-isu kewangan semasa, dengan penekanan terhadap penipuan kewangan, langkah - langkah keselamatan dalam pelaburan, serta kepentingan membuat keputusan kewangan yang berhemah dan berinformasi.

Para peserta juga berpeluang melawat beberapa ruang pameran kewangan yang menyediakan maklumat mengenai produk serta perkhidmatan kewangan berkaitan perancangan persaraan daripada institusi kewangan yang terdiri dari BDCB, Persatuan Bank-bank Brunei (BAB); serta Persatuan Insurans dan Takaful Brunei (BITA).

TAP turut menyediakan ruai pendaftaran e-Amanah, iaitu portal perkhidmatan dalam talian yang membolehkan ahli menyemak baki terkini akaun SPK mereka serta mengakses pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan oleh TAP secara mudah dan pantas.



MINDA PEMBACA

Pemandu berhemah, negara sejahtera

MEMANDU kenderaan adalah satu kemahiran asas yang penting dalam konteks Brunei Darussalam. Dalam hal ini, pemandu-pemandu kenderaan perlu untuk mengamalkan sikap berhemah di jalan raya. Pemanduan berhemah bukan sahaja menyentuh tentang pematuhan had kelajuan dan peraturan-peraturan jalan raya yang ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa. Ia juga memerlukan penglibatan pemandu - pemandu untuk mengamalkan sikap sabar, bertimbang rasa dan hormati - menghormati dengan pengguna jalan raya yang lain. Amalan-amalan ini adalah tanggungjawab bersama yang penting untuk memastikan keselamatan jalan raya.

Pemanduan berhemah dapat dikaitkan dari sudut kesejahteraan masyarakat dan kesejahteraan negara. Dari sudut kesejahteraan masyarakat, pemanduan berhemah dapat menyumbang kepada penurunan kadar kemalangan jalan raya. Dengan penurunan kemalangan, ia boleh mengurangkan risiko kecederaan - sama ada ringan atau parah dan mengelakkan kehilangan nyawa. Tambahan pula, kesan-kesan langsung dan tidak langsung terhadap kesihatan mental juga dapat dikurangkan. Secara keseluruhannya, manfaat - manfaat ini dapat mengurangkan bebanan kepada agensi-agensi penguatkuasaan dan kesihatan dan membolehkan agensi-agensi ini untuk memberikan

tumpuan kepada hal-hal yang bersifat lebih penting.

Dari sudut lain pula, pemanduan berhemah dapat menyumbang secara tidak langsung kepada perekonomian negara. Pemanduan berhemah dapat melancarkan lalu lintas dan mengurangkan kesesakan jalan raya. Ini boleh meningkatkan produktiviti kerana kurangnya kelewatan datang bekerja, memudahkan perhubungan antara tempat perusahaan dan pelabuhan dan lapangan terbang. Ini sekali gus dapat menjimatkan penggunaan bahan bakar bag kesemua pihak. Kesimpulannya, manfaat - manfaat ini dapat merangsang aktiviti - aktiviti perekonomian.

Menyedari manfaat - manfaat

pemanduan berhemah dari sudut kesejahteraan dan perekonomian negara, adalah perlu bagi semua pihak dalam memainkan peranan masing - masing dalam hal ini. Pemanduan berhemah bukan sahaja dapat dapat menjamin keselamatan pemandu itu sendiri namun ia dapat menjamin keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Ini dapat menyumbang kepada pembinaan sebuah negara yang aman, makmur dan sejahtera bersesuaian dengan matlamat kedua Wawasan Brunei 2035 bagi 'Kualiti kehidupan rakyat yang tinggi'.

Nama : Muhammad Naqib bin Haji Brahim
No. K/P : 00-321XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Ancaman Pencemaran Udara Terhadap Kesihatan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 17 Disember 2025
- 2.'Memerangi Rasuah Dari Akar Umbi'. Tarikh Tutup : 24 Disember 2025
- 3.'Memperkasa Komuniti OKU: Membangun Masyarakat Inklusif'. Tarikh Tutup : 31 Disember 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

- 3.Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KONGSI PENGALAMAN RAWATAN, MENGATASI KANSER PAYUDARA



SUASANA pada Majlis Seuntai Kasih Bersamamu Ke-2 yang diadakan di Tingkat 1, Rasa Ceria Cafe, Telanai (atas dan kanan).

TELANAI, Isnin, 15 Disember. – Dengan hasrat murni untuk mengeratkan silaturahmi bersama bekas-bekas pesakit kanser payudara dalam suasana santai sekali gus memanfaatkan masa lapang di hujung minggu, Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei (Brunei Breast Cancer Support Group - BBCSG) pagi tadi mengadakan Majlis Seuntai Kasih Bersamamu Ke-2 sempena Bulan Kesedaran Kanser Payudara 2025, baru-baru ini.

Majlis yang berlangsung di Tingkat 1, Rasa Ceria Cafe, Telanai itu telah menghimpunkan seramai 40 orang bekas pesakit kanser payudara dan pesakit yang masih menjalani rawatan termasuklah salah seorang daripada mereka yang berusia 86 tahun.

Hadir bagi mengalu-alukan para

jemputan di majlis berkenaan ialah Presiden BBCSG, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin; dan Naib Yang Dipertua BBCSG, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah serta ahli-ahli jawatankuasa BBCSG.

Dalam ucapan alu-aluan, Presiden BBCSG antaranya meluahkan rasa kesyukuran dengan berlangsungnya majlis berkenaan pada tahun ini di mana meskipun pertemuan secara bersederhana tetapi kemeriahan tetap dapat dirasakan dengan adanya sesi bual bicara atau berinteraksi antara sesama bekas pesakit kanser payudara tentang bagaimana menghadapi kesukaran yang dilalui sepanjang rawatan, cara menangani dan mengatasinya.

Dalam pada itu, beliau turut mengongsikan cadangan untuk

menerbitkan sebuah buku berjudul 'Luahan Rasa Pesakit Kanser Payudara' sebagai projek BBCSG pada tahun 2026 nanti.

"Buku ini akan memuatkan pengalaman pesakit - pesakit kanser payudara dan akan dapat menjadi rakaman kenangan serta bahan bacaan kepada sesiapa saja di negara ini," tambahnya.

Terdahulu, majlis dimulai dengan membaca Tahlil, Doa Arwah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Mohd. Ali bin Haji Momin, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Presiden BBCSG. Majlis turut diserikan dengan cabutan nama bertuah sambil menjamu selera bersama.

BBCSG ditubuhkan secara rasmi pada 2004 dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang isu-isu kanser



Berita dan Foto : Nurdianah Rajami

payudara di Negara Brunei Darussalam serta anggota keluarga pesakit yang memerlukan sokongan moral dan sokongan kepada mangsa dan rohani.

Membentuk jati diri, semangat kerjasama

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



AWANG Hasan Nasrullah Aiman bin Mohamad Azami semasa ditemu bual.

BERAKAS, Isnin, 15 Disember. – Menyertai Program Sivik Negara Brunei Darussalam (NBD) ini bukan sahaja menambah ilmu pengetahuan, memperluaskan jaringan persahabatan bahkan meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab sebagai rakyat yang berperanan dalam pembangunan negara.

Bukan itu sahaja, program ini juga membantu membentuk jati diri dan semangat kerjasama dalam kalangan para peserta program.

Graduan Lulusan dari Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir, Awang Hasan Nasrullah Aiman bin Mohamad Azami menggariskan perkara itu semasa ditemu bual pada Majlis Penutup Program yang

diadakan di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

"Setakat ini, bagi saya tiada cabaran yang terlalu besar kerana kebanyakan yang turut serta dalam program ini merupakan teman-teman saya di Universiti Al-Azhar, jadinya menyesuaikan diri memang amat mudah.

"Akan tetapi, cabaran untuk bekerjasama dengan peserta daripada latar belakang yang berbeza memang memerlukan sikap toleransi dan komunikasi yang baik. Namun begitu, ia berjaya diatasi melalui kerjasama kumpulan dan sokongan daripada pegawai-pegawai yang bertugas," ujarnya.

Beliau juga seterusnya mencadangkan agar program ini diperluaskan dengan lebih banyak aktiviti interaktif dan praktikal seperti lawatan-lawatan ke tempat-tempat yang mempunyai banyak aktiviti yang menarik contohnya Ulu Temburong National Park, Wasai Wang Kadir dan sebagainya.

"Oleh itu, di samping belajar kita juga tidak akan mudah berasa bosan jika dibandingkan dengan hanya duduk di dewan taklimat sahaja bagi penambahbaikan pada masa akan datang," tambah beliau lagi.

Sementara itu, Mahasiswi Tahun 3, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Dayang Arifah Masturina binti Haji Marzuki melahirkan rasa syukur

DAYANG Arifah Masturina binti Haji Marzuki semasa ditemu bual.

diberi peluang untuk menyertai program ini kerana ia menambah ilmu pengetahuan terhadap bidang-bidang yang ada di NBD, selain merasa gembira dapat mengenali peserta-peserta dari pelbagai latar belakang.

"Antara cabaran yang saya hadapi semasa program adalah semasa membuat aktiviti dari Pejabat Wawasan 2035 iaitu tema yang diberikan adalah di luar bidang kami masing-masing. Walaupun bagaimanapun dari aktiviti inilah kami dapat berfikir dengan lebih kritis, adanya perasaan ingin tahu dan lebih terbuka untuk menceburi bidang lain," katanya.

Dalam pada itu, Dayang Arifah Masturina juga menyarankan beberapa penambahbaikan program, dan berharap lebih banyak lagi bidang-bidang yang boleh diterokai oleh bakal peserta yang dapat mempelbagaikan ekonomi negara seperti dalam bidang-bidang Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan.





NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Jangan Memandu ketika mengantuk



Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA



Awat! Jalan Licin Dihadapan

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Always Wear a seatbelt

No mobile phones while driving

Speeding is dangerous

Do not drive under influence

Wear helmet and proper attire while riding

Always watch out for other road users

Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

MEMUPUK BUDAYA MENJAGA KEBERSIHAN KAMPUNG

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad Kampung Setia

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Disember. - Sikap menjaga kebersihan merupakan salah satu amanat bagi setiap manusia ke arah memelihara persekitaran yang bersih dan hidup dengan sihat tanpa sebarang jangkitan penyakit yang disebabkan kekotoran di sekeliling kita.



SEBAHAGIAN yang hadir menyertai kempen kebersihan Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad Kampung Setia serta kawasan sekelilingnya (kanan dan bawah kiri).

mengungkapkan kempen kebersihan masjid tersebut serta kawasan sekelilingnya.

Kempen kebersihan tersebut berjaya mengumpul sebanyak 30 beg plastik sampah dengan penyertaan kira-kira 60 orang yang terlibat mengutip sampah di kawasan berkenaan.

Imam masjid tersebut, Awang Haji Hassan bin Haji Lusin melahirkan penghargaan kepada penglibatan penduduk kampung terutama sekali golongan muda, kanak-kanak yang wajar dididik akan kepentingan menjaga kebersihan selain mengajar mereka untuk membuang sampah ke tempat yang disediakan.

Terdahulu, Awang Haji Hassan juga menyampaikan sepasang kain kepada 30 AJKT masjid berkenaan dan 13 orang Muslimah masjid berkenaan serta sepasang baju kepada 10 orang penggali kubur dari kalangan penduduk Kampung Setia hasil dari sumbangan salah seorang penduduk kampung itu juga.

"Aktiviti kebajikan dan



kemasyarakatan ini insya Allah akan sentiasa dijalankan agar keadaan masjid sentiasa terjaga kebersihannya, bahkan meraih pahala dari Allah Subhanahu Wata'ala jua," tambahnya.

Juga hadir, Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid, Pengarah Mohd. Hazreen bin Pateh Dato Paduka Haji Masri selaku Penasihat Bersama Takmir Masjid dan Pemangku Ketua Kampung Zon 3 Kampong Ayer, Awang Rahman bin Haji Kassim, serta AJKT masjid berkenaan, ahli MPMK dan penduduk sekitarnya.

Selain menyatupadukan

masyarakat setempat, dengan adanya acara seumpama ini diharap dapat lagi mengeratkan hubungan antara AJK masjid, MPK, Pasukan Helang Setia dan penduduk kampung untuk sama-sama berganding bahu dan memupuk perpaduan dalam membentuk satu komuniti yang harmoni dan sejahtera serta menjadi contoh teladan kepada generasi penyambung.

Aktiviti tahunan ini juga akan mempraktikkan sikap pemeduliaan terhadap kebersihan masjid sertamelestarian keindahan alam sekitar yang juga menjadi tanggungjawab bersama.

Cuti sekolah masa terbaik eratkan hubungan kekeluargaan



AKTIVITI berkelah dan berkhemah bukan sekadar mengisi masa lapang, tetapi juga mencipta kenangan manis dan memperkukuh ikatan kekeluargaan dengan cara yang menyenangkan dan bermanfaat.

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Disember. - Cuti persekolahan yang panjang pada bulan Disember merupakan antara saat yang paling dinanti-nantikan bukan sahaja bagi kalangan pelajar malah ibu bapa dan ahli keluarga juga mengambil kesempatan bercuti dari kerja semata-mata meluangkan masa bersama keluarga.

Tempoh cuti panjang inilah peluang bagi ibu bapa untuk membawa anak-anak untuk bercuti dan beriadah sambil memperkukuh hubungan kekeluargaan. Perancangan yang bijak dan

pengisian masa yang berkualiti bukan sahaja mencipta kenangan indah, malah membina keluarga yang lebih erat dan bahagia.

Tidak dinafikan ada ibu bapa yang membawa anak-anak bercuti ke luar negara untuk meneroka budaya baharu. Namun, tidak semua keluarga mampu berbuat demikian dan masih banyak aktiviti bermanfaat yang boleh dilakukan tanpa memerlukan perbelanjaan besar atau perancangan yang rumit.

Antara aktiviti cuti sekolah yang boleh dilakukan bersama keluarga merangkumi aktiviti riadah seperti

berkelah, mengunjungi taman permainan, aktiviti pendidikan seperti menyertai kem motivasi atau belajar kemahiran baru seperti memasak dan kraf tangan; mahupun aktiviti kekeluargaan seperti gotong-royong dan lawatan.

Sementara itu, di negara kita khasnya, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti menarik yang disusun melalui acara Brunei December Festival bertujuan untukmempromosikan pelancongan domestik dengan menggalakkan orang ramai bercuti dan berbelanja di dalam negara.

Pelbagai acara termasuk bazar, pesta pantai, pameran, aktiviti pendidikan, pertunjukan seni dan jualan promosi sepanjang bulan Disember dianjurkan sesuai untuk keluarga, pelajar dan pengunjung menikmati masa cuti secara aktif di dalam negara.

Bagi Awang Haji Mohamad Akmal bin Haji Sulaiman, musim cuti persekolahan ini diluahkan untuk berkumpul bersama keluarga dengan mengadakan aktiviti yang berfaedah dan menyenangkan.

Menurutnya, untuk musim cuti persekolahan kali ini diisikan dengan mengadakan aktiviti berkhemah dan berkelah di beberapa buah pantai di negara ini bersama keluarga dan saudara mara terdekat.

"Baru-baru ini, kami membuat aktiviti berkhemah selama tiga hari dua malam di Pantai Seri Kenangan, Tutong yang

melibatkan kira-kira 20 ahli keluarga. Melalui aktiviti seumpama ini, bukan sahaja untuk mengeratkan lagi silaturahim antara keluarga terdekat tapi dalam masa yang sama memberikan keceriaan dan kegembiraan kepada kanak-kanak," ujarnya.

Sepanjang aktiviti ini, mereka bukan sahaja berkongsi makanan dan pengalaman, malah dapat bergotong-royong dalam persiapan khemah, memasak, dan menyusun aktiviti riadah.

Aktiviti berkelah dan berkhemah bukan sekadar mengisi masa lapang, tetapi juga mencipta kenangan manis dan memperkukuh ikatan kekeluargaan dengan cara yang menyenangkan dan bermanfaat.

Oleh itu, cuti persekolahan wajar dimanfaatkan dengan perancangan aktiviti yang melibatkan seluruh ahli keluarga

sekali gus mewujudkan komunikasi yang lebih terbuka antara ibu bapa dan anak-anak.

Bagi pelajar, cuti sekolah merupakan peluang terbaik untuk menggunakan masa mereka dengan aktiviti berfaedah dan bermanfaat, sama ada melalui pembelajaran, riadah atau pengalaman sosial yang dapat memupuk kemahiran dan sahsiah diri.

Ibu bapa perlu mengambil peluang untuk memupuk anak agar mereka bijak berkomunikasi, memiliki daya kepimpinan berkualiti, bijak bergaul, cepat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru, mempunyai daya tahan atau kekentalan hati.

Dengan perancangan yang bijak, cuti sekolah bukan sekadar masa rehat, tetapi peluang untuk membina ikatan keluarga yang lebih erat dan harmoni.



Kesan Niat Tempoh Menetap Ketika Pelayaran Terhadap Rukhshah Qasar Dan Jamak

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SEMBAHYANG fardhu secara qasar dan jamak adalah antara *rukhsah* (keringanan) yang diberikan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala bagi orang yang dalam pelayaran. *Rukhsah* pelayaran dikira bermula apabila seseorang itu melewati perbatasan tempat tinggalnya sama ada tempat tinggalnya itu bandar, pekan atau kampung untuk menuju ke suatu tempat yang jaraknya dua *marhalah* iaitu 89.04 km. Oleh yang demikian, seseorang itu diharuskan melakukan sembahyang qasar dan jamak sepanjang tempoh pelayarannya. Tempoh pelayaran itu berakhir apabila seseorang itu sampai ke tempat yang dituju dan dia berniat untuk menetap di tempat tersebut selama empat hari (siang dan malam) atau lebih tidak termasuk hari tiba dan hari pulang.

Ini bermakna, orang yang dalam pelayaran itu hanya diharuskan melakukan sembahyang qasar dan jamak di tempat yang ditujunya jika dia berniat menetap di tempat tersebut kurang daripada empat hari tidak termasuk hari tiba dan hari pulang.

Berkaitan dengan *rukhsah* sembahyang qasar dan jamak bagi mereka yang berniat menetap di suatu tempat kurang dari empat hari ini, timbul persoalan jika seseorang belayar ke suatu tempat dengan niat untuk menetap di tempat tersebut selama dua hari namun dia juga berniat jika dia berpeluang untuk berjumpa kawannya, dia akan menetap di tempat tersebut selama lima hari, jika tidak dapat berjumpa dia akan pulang setelah menetap dua hari, adakah terhenti *rukhsah* sembahyang qasar dan jamak sebaik sahaja dia sampai ke tempat yang ditujunya dengan niat sedemikian?

Sebagaimana dijelaskan di atas, *rukhsah* sembahyang qasar dan jamak dalam pelayaran terhenti sebaik sahaja sampai di tempat tujuan bagi orang yang berniat untuk menetap di tempat yang ditujunya selama empat hari atau lebih tidak termasuk hari tiba dan hari pulang. Begitu juga kedudukan *rukhsah* bagi orang yang berniat untuk menetap di tempat yang ditujunya tanpa menentukan tempoh

tertentu. Hukum kedua-dua keadaan tersebut, tidak kira sama ada niatnya untuk menetap itu sebelum dia sampai atau ketika dia sampai atau selepas dia sampai di tempat yang dituju. Perkara ini ada disebut oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, katanya :

Ertinya : *Dan sekiranya seorang musafir yang berkuasa penuh atas dirinya (tanpa bergantung pada keputusan orang lain) berniat menetap pada tempoh yang tidak ditentukan atau (selama tempoh) empat hari beserta malamnya di suatu tempat yang telah ditentukannya sebelum ketibaannya, (maka) terhenti pelayarannya dengan ketibaannya (di tempat tersebut) walaupun tempat tersebut tidak sesuai untuk didiami, atau dia berniat menetap ketika ketibaannya atau (dia berniat menetap) selepas ketibaannya iaitu ketika dia berada di tempat tersebut, (maka) terhenti pelayarannya dengan niat itu.*


Khusus mengenai orang yang belayar ke suatu tempat dengan niat untuk menetap di tempat tersebut selama dua hari namun dia juga berniat jika dia berpeluang untuk berjumpa kawannya, dia akan menetap di tempat tersebut selama lima hari, menurut as-Sayyid al-Jurdani *Rahimahullah*, dia diharuskan melakukan sembahyang fardhu secara qasar dan jamak sepanjang perjalanannya menuju ke tempat itu dan dia tidak lagi diharuskan melakukan fardhu qasar dan jamak sebaik sahaja dia berjumpa kawannya kerana niatnya untuk menetap lima hari. Demikian penjelasan beliau dalam kitabnya *Fath al-'Allam* bi

Syarh Mursyid al-Anam, katanya :

Ertinya : *Dan sekiranya seseorang berniat, apabila dia sampai ke tempat tujuannya, dia akan menetap selama sehari, (dan dia juga berniat) sekiranya dia berjumpa si Polan di tempat itu, dia akan menetap di sana selama empat hari dan sekiranya dia tidak (menjumpainya), dia akan pulang. Maka (dengan niat tersebut) baginya qasar sehingga dia sampai ke tempat tujuannya. Kemudian sekiranya dia tidak menjumpainya, maka baginya qasar sehingga dia kembali (ke negerinya), dan sekiranya dia menjumpainya, dia (hendaklah) menyempurnakan (sembahyangnya tanpa qasar) bermula dari waktu dia menjumpainya (kerana) melaksanakan apa yang diniatkannya.*

Untuk menjelaskan perkara di atas, dibawah contoh berikut. Seseorang warga Negara Brunei Darussalam belayar ke Singapura dan berniat untuk menetap di sana selama sehari dan dia juga berniat sekiranya dia berjumpa sahabatnya bernama Ahmad yang berasal dari Singapura, dia melanjutkan tempoh menetap di sana selama empat hari. Jika dia gagal menjumpai Ahmad, dia akan pulang ke Negara Brunei Darussalam setelah sehari menetap di sana. Maka dalam hal ini, dia diharuskan sembahyang fardhu secara qasar dan jamak sepanjang perjalanannya dari Negara Brunei Darussalam dan setelah dia sampai dalam tempoh sehari tersebut sehingga dia pulang ke Negara Brunei Darussalam. Akan tetapi, apabila dia berjumpa Ahmad dia tidak lagi diharuskan melakukan

UNTUK menjelaskan perkara di atas, dibawah contoh berikut. Seseorang warga Negara Brunei Darussalam belayar ke Singapura dan berniat untuk menetap di sana selama sehari dan dia juga berniat sekiranya dia berjumpa sahabatnya bernama Ahmad yang berasal dari Singapura, dia melanjutkan tempoh menetap di sana selama empat hari. Jika dia gagal menjumpai Ahmad, dia akan pulang ke Negara Brunei Darussalam setelah sehari menetap di sana. Maka dalam hal ini, dia diharuskan sembahyang fardhu secara qasar dan jamak sepanjang perjalanannya dari Negara Brunei Darussalam dan setelah dia sampai dalam tempoh sehari tersebut sehingga dia pulang ke Negara Brunei Darussalam. Akan tetapi, apabila dia berjumpa Ahmad dia tidak lagi diharuskan melakukan sembahyang qasar dan jamak bermula dari waktu dia berjumpa Ahmad disebabkan niatnya untuk menetap empat hari di Singapura.



sembahyang qasar dan jamak bermula dari waktu dia berjumpa Ahmad disebabkan niatnya untuk menetap empat hari di Singapura.

Sekiranya setelah dia berjumpa dia berniat untuk menetap di Singapura kurang dari empat hari, dia tetap tidak diharuskan sembahyang qasar dan jamak sehingga dia belayar meninggalkan Singapura kerana dia sudah dikira muqim. Demikian dijelaskan oleh Imam Zakariyya al-Anshari *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Ghurar al-Bahiyah* fi Syarh al-Bahjah al-Wardiyyah :

Ertinya : *Dan sekiranya dia berniat selepas menemuinya untuk tidak menetap empat hari, maka tidak ada qasar baginya sehingga dia belayar, kerana dia menjadi muqim.*

Demikian penjelasan mengenai kesan niat tempoh menetap terhadap *rukhsah* qasar dan jamak.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAAN ALLAH
كلولان قوسمة دعوه اسلاميه

KEINDAHAN peribadi dan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dijelaskan dalam Al-Quran sebagai uswah hasanah atau suri teladan yang sepatutnya diikuti oleh umat Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Ahzab ayat 21, mafhumnya : "Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharap (keredaaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah".

Ayat ini merupakan dalil utama yang menganjurkan kita agar meneladani Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam semua aspek kehidupan sama ada dari segi perbuatan, percakapan, sikap yang merangkumi adab, akhlak dan sebagainya. Jelasnya, dalil tersebut dapat dijadikan pedoman dan petunjuk bagi umat Islam agar sentiasa memuhasabah diri dan menjaga perilaku dalam kehidupan seharian sebagai hamba-Nya yang taat dan mengharap rahmat Allah serta hari kiamat sebagai hari pembalasan.

Akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam seperti mana yang dijelaskan dalam ayat 21, Surah Al Ahzab berkenaan menunjukkan betapa pentingnya mencontohi keperibadian Rasulullah lebih-lebih lagi dalam perubahan zaman globalisasi kini yang mana menyaksikan bukan sahaja kekurangan adab bahkan kepincangan dan keruntuhan moral dalam segelintir masyarakat.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Hisyam bin Amir pernah bertanya kepada Saiyidatina Aisyah Radhiallahuanha mengenai akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Saiyidatina Aisyah menjawab, "Akhlak Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam adalah Al-Quran".

Ini meliputi sifat dan akhlak mulia seperti malu, mulia, berani, menepati janji, ringan tulang, cerdas, ramah, sabar, memuliakan anak yatim, suka tersenyum, jujur, pandai menjaga diri, pemaaf dan berjiwa bersih.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi, Abu Nu'aim meriwayatkan dari Anas Radhiallahuanhu berkata "Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah termasuk orang yang lemah-lembut. Demi Allah, Baginda tidak menolak ketika hamba lelaki mahupun perempuan atau anak kecil yang memberi air, meskipun pada

pagi hari yang sangat dingin, Baginda tetap membasuh muka dan kedua lengannya. Bila ada yang bertanya, Baginda mendekatkan telinganya. Baginda tidak akan menghentikan sebelum orang yang bertanya habis bertanya. Tidak seorang pun menerima huluhan tangan Baginda kecuali Baginda yang menghulurkannya terlebih dahulu untuk bersalam dan Baginda tidak akan melepaskan tangannya sebelum orang itu melepaskan tangannya terlebih dahulu".

Dalam satu sirah yang lainnya, sejarah kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam jelas menjadi bukti bahawa Baginda bukanlah seorang yang bersifat agresif atau bertindak secara melulu apabila Baginda dihina atau ketika menghadapi kesukaran. Sebaliknya, Baginda sentiasa mengambil pendekatan sabar dan tenang dalam apa jua keadaan, malah tidak pernah berdendam kepada musuh-musuhnya.

Begitu juga dalam konteks tarbiyah, adab dan akhlak yang baik itu hendaklah dibentuk dan dididik dalam anak-anak sejak kecil lagi seperti mana perumpamaan Melayu mengatakan 'Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya'. Di sini, ibu bapa selaku pendidik anak-anak yang paling awal memainkan peranan yang sangat penting dalam memberikan didikan, membentuk akhlak dan

mencorak tingkah laku dengan menerapkan mereka dengan adab-adab yang baik.

Sekiranya akhlak dan adab yang baik itu tidak dibentuk sejak kecil, dibimbangi mereka akan sudah terbiasa berakhlak dengan tingkah laku yang kurang disenangi apabila sudah dewasa nanti. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, daripada Anas bin Malik bahawasanya Rasulullah bersabda yang maksudnya : "Hormatilah anak-anakmu dan perbaikilah adab-adab mereka".

Oleh itu, ibu bapa mestilah mempunyai kebijaksanaan dan ketegasan untuk mendidik anak-anak agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan pengaruh-pengaruh yang tidak baik ataupun akhlak-akhlak yang jauh dari ajaran Islam.

Kesimpulannya, sebagai umat Islam hendaklah menyempurnakan adab sesuai dengan akhlak dan ajaran Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Tidak memadai jika kita sebagai umat Islam hanya memuji keindahan akhlak Baginda namun tidak berusaha mengikut jejak langkah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dengan setiap perbuatan yang berlandaskan adab dan akhlak yang baik, insyaaAllah seseorang itu akan dapat meraih keredaaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Seindah akhlak Rasulullah

PERSIAPAN AWAL SEBELUM KEMBALI BERSEKOLAH



PERANCANGAN kewangan yang bijak adalah sangat digalakkan bagi persiapan bahan persekolahan. Membeli buku dan alat tulis lebih awal, bandingkan harga barang, dan gunakan semula barang-barang seperti beg sekolah, bekas makanan serta alat tulis yang masih dalam keadaan baik dan sempurna.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Disember. - Menjelang sesi persekolahan 2026, ibu bapa digalakkan membuat persiapan awal secara menyeluruh dari segi kewangan, mental, dan fizikal supaya dapat memulakan tahun baharu dengan penuh semangat dan keyakinan.

Sebagai salah satu persiapan, ibu bapa boleh mula membiasakan anak-anak dengan rutin tidur dan bangun awal secara beransur-ansur, serta berbincang mengenai harapan dan perasaan mereka tentang sekolah bagi menyokong kesediaan mental mereka.

Di samping itu, aktiviti melabel barang peribadi seperti buku dan alat tulis, serta membaca buku cerita bertema sekolah dapat meningkatkan semangat mereka untuk pergi ke sekolah.

Aspek pemakanan juga perlu diberi perhatian, termasuk

merancang menu sarapan dan makanan ringan yang berkhasiat untuk mengekalkan tenaga sepanjang hari persekolahan.

Bagi persiapan bahan persekolahan, perancangan kewangan yang bijak adalah sangat digalakkan.

Membeli buku dan alat tulis lebih awal, sebaik sahaja senarai keperluan diumumkan, dapat mengelakkan kekurangan stok dan memastikan anak-anak mendapat bahan yang tepat.

Ibu bapa yang berkhidmat dalam sektor awam, yang akan menerima bayaran bonus pada penghujung bulan Disember nanti, boleh memanfaatkan peluang ini untuk membuat pembelian awal secara teratur.

Utamakan keperluan asas, bandingkan harga dan gunakan semula barang-barang seperti beg sekolah, bekas makanan serta alat tulis yang masih dalam keadaan



baik dan sempurna.

Selain itu, elakkan pembelian secara mendadak dan utamakan keperluan praktikal bagi mengawal perbelanjaan dengan lebih berhemah.

Dengan menggabungkan persiapan mental, fizikal, dan kewangan secara seimbang, diharap anak-anak akan dapat melalui transisi ke sekolah dengan lebih selesa dan bersedia menimba ilmu pada tahun baharu.

Langkah-langkah proaktif berkenaan bukan sahaja meringankan beban pada saat akhir tetapi juga menanamkan nilai perancangan dan disiplin yang boleh dicontohi oleh anak-anak.

Persekitaran yang menyokong di rumah menjadi asas terbaik bagi kejayaan akademik dan pembangunan sahsiah pelajar, yang merupakan bakal pemimpin dan peneraju negara pada masa hadapan.

Masa hadapan sesebuah



negara, sama ada cerah mahupun suram, bergantung kepada anak-anak muda dan belia masa

kini. Justeru, ibu bapa digalakkan membimbing mereka ke arah yang lebih baik.



ALAI PINTAR 163

SOALAN 17 DISEMBER 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Apakah yang patut kita lakukan apabila melihat orang tua melintas jalan?
 - Ketawa
 - Membantu mereka
 - Melarikan diri
- $200 \times 200 \times 200 = \text{_____}$?
 - 8, 000, 000
 - 8, 000
 - 800
- Nina membeli 3 buah buku. Setiap buku berharga BND4. Berapakah jumlah yang perlu dibayar oleh Nina?
 - BND10
 - BND5
 - BND12

TARIKH TUTUP : 31 DISEMBER 2025

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 162 :

Nama : Nur'Saidatul Nazifa binti Norezam

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0145152-01. Sekolah : Sekolah Rendah Sultan Hassan, Bangar Temburong

Nama : Cattleya Chan Le Qi

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0134846-01. Sekolah : Sekolah Menengah Chung Hwa

Nama : Md Nazran Safyi bin Md Shahniman

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0132554-01. Sekolah : Sekolah Riverside Kampong Masin

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :

Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 162

- A - Kipas
- B - 62
- C - Safar

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمْ يَمُوتْ فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِىْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari akan nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يغ مباوا كبراونتوغن ساعت بسر كقد قشعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

01 / BBS / SH / KWG /
2025-2026

Sebut Harga Bagi Membekal
Dan Memasang Sistem
Pengawasan CCTV Di
Bangunan Utama Jabatan
Bandaran Kuala Belait Dan
Seria

02 / BBS / SH / KWG /
2025-2026

Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Automatic Numbering System,
50" Smart Television With Dual
Display Support, Sound System
(Speaker) & Accessories
(Mixer / Amplifier) And Wireless
Microphone System With
Complete Receiver For
Payment Counter At Kuala
Belait And Seria Municipal
Headquarter Building.

Dibukakan kepada pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
(Kelas I dan II, Kategori E01)

Yuran Tawaran
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa
30 Disember 2025



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
12 / BBS / SDSFJBKBS /
2025-2026

Membekalkan Dan Mencetak
Buku Daftar Cukai Jabatan
Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
18 / BBS / SDSFJBKBS /
2025-2026

To Supply And Delivery Of Ink
Cartridges Jabatan Bandaran
Kuala Belait Dan Seria

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
19 / BBS / SDSFJBKBS /
2025-2026

Membekal Perabot-Perabot
Pejabat Jabatan Bandaran Kuala
Belait Dan Seria

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
20 / BBS / SDSFJBKBS /
2025-2026

Membekal Dan Mencetak R.S.O
Dan Kertas Lamina A1 Jabatan
Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
21 / BBS / SDSFJBKBS /
2025-2026

Membekal Dan Mencetak Naskah
"Jadual Pembayaran" Jabatan
Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



51 / BBS / SH / BKA / 2025 –
2026

Kerja-Kerja Mengganti Baharu
Jendela Cermin Yang Retak Di
Bilik Mesyuarat Tingkat Empat
Bangunan Utama Jabatan
Bandaran Kuala Belait Dan
Seria

52 / BBS / SH / BKA / 2025 –
2026

Kerja-Kerja Memasang Baharu
Karpas Lantai Di Bilik Surau
Dewan Persidangan Kuala
Belait, Jalan Mckerron Kuala
Belait

53 / BBS / SH / BKA / 2025 –
2026

Kerja-Kerja Membaiki
Kerosakan Pada Bangunan
Perkhidmatan Dan
Pemeliharaan Kawasan Jabatan
Bandaran Kuala Belait Dan
Seria Di Jalan Lorong Setia
Diraja Kuala Belait

54 / BBS / SH / BKA / 2025 –
2026

Kerja-Kerja Mengganti Baharu
Keseluruhan Paip Bekalan Air
Yang Lama Di Bangunan Gerai
Makan Umum Bunga Rambai,
Jalan Bunga Rambai,
Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
(Kelas I dan II, Kategori KA01
dan B01)

55 / BBS / SH / BKA / 2025 –
2026

Membekal Kotak Tawaran Sebut
Harga Mudah Alih Di Bahagian
Kewangan Jabatan Bandaran
Kuala Belait Dan Seria, Jalan
Mckerron Kuala Belait

56 / BBS / SH / BKA / 2025 –
2026

Membekalkan Papan Tanda
Kenyataan Baharu Di Bangunan
Kompleks Gerai Sri Selera
Seria (3s)

57 / BBS / SH / BKA / 2025 - 2026
Membekalkan Papan Tanda
Untuk Tandas Awam Kawalan
Jabatan Bandaran Kuala Belait
Dan Seria

Dibukakan kepada pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
(Kelas I dan II, Kategori KA01)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa,
30 Disember 2025



Bilangan Tawaran:
BBS / BPAP / TI / 2025-6

Keterangan Projek:
Penyewaan Ruang-Ruang
Perniagaan Bangunan Kerajaan
Di Bawah Kawalan Jabatan
Bandaran Kuala Belait dan Seria:
Gerai Makan Tudung Saji,
Jalan Setia Diraja, Kuala Belait

Tarikh Tutup :
Selasa, 30 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / SB1
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus
Adobe Photoshop Di Bawah Program
Skillsplus

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / SB2
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus
Adobe Illustrator Di Bawah Program
Skillsplus

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / SB3
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus
Basic Bookkeeping Di Bawah
Program Skillsplus

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25-26 / T04
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus
'Soft Skills' Essential Problem Solving
For Jobseekers

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / SB4
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus
Brunei Darussalam Accounting
Standards Di Bawah Program
Skillsplus

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
PPB / CSSU / SP / TK25-26 / SB5
Tawaran Bagi Mengendalikan Kursus
International Financial Report
Standards Di Bawah Program
Skillsplus

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
Rabu, 24 Disember 2025
2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JBKBS / GP / TI / 2026 (2025-5)

Tajuk:
Permohonan Cadangan Tawaran
Pengurusan dan Pengendalian Bagi
Gerai Ramadan 1447H / 2026M

Tarikh Tawaran Dibuka:
Selasa, 23 Disember 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Januari 2026,
Jam 11.30 Pagi.

Keterangan Tawaran:
Adalah dengan ini dimaklumkan
Jabatan Bandaran Kuala Belait dan
Seria dengan ini mempelawa
kepada Syarikat-syarikat 'Event
Management' yang mempunyai
pengalaman mengadakan
Expo-Expo Jualan, Bazar dan
seumpamanya bagi mengurus dan
mengendalikan Gerai-Gerai
Ramadan 1447 Hijrah bersamaan
2026 Masihi bertempat di kawasan;

- 1) Bangunan Tudung Saji, Kuala
Belait
- 2) Pasarneka, Seria.



Notis Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:
9 / DISEMBER / 2025 / PSB /
PD.575

Membekal Dan Memasang Pelekat
Cermin Gelap
'Tinted Film'
Bangunan Pusat Sejarah Brunei,
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan

Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:
10 / DISEMBER / 2025 / PSB /
PD.575

Membuat, Membekal, Menghantar
Dan Memasang Kaunter Atendan
Pameran Pusat Sejarah Brunei,
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu, 27 Disember 2025
Jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR
NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:

KHELN / ICT / 2025 / 2KQ05
Quotation For The Supply,
Delivery, Installation,
Configuration, Migration,
Testing, Commissioning Of One
(1) Unit Server At International
Convention Centre,
Berakas

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu
24 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:

KHELN / KEW / 2025 / 0212
Quotation For Sea Transport Cost
Of Personal Effect, Kuala Lumpur,
Malaysia

Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:

KHELN / KEW / 2025 / 0312
Quotation For Sea Transport Cost
Of Personal Effect, Jakarta,
Republik Indonesia

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 24 Disember 2025
Jam 2.00 Petang





**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 096 / 2025
Pengukuhan Sistem Rangkaian
11KV Di Kawasan Sinarubai,
Masin, Ban Kg. Mulaud Dan
Sekitarnya
[Re-Tender]

Tarikh Tutup:
Selasa 6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND1,000.00 (Tidak
Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran,
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan Dalam Kelas VI, V
Atau VI Sahaja, dalam Kategori
E03 dan mempunyai pekerja
yang berdaftar dengan JPE
dalam kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan lanjut bolehlah
diperoleh dari Unit Tawaran,
Tingkat Empat, Jabatan
Perkhidmatan Elektrik, Jabatan
Perdana Menteri.



**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 112 / 2025
Pengukuhan Sistem Rangkaian
11KV Bagi Stesen Elektrik Utama
Manggis 66 / 11KV Ke Stesen
Elektrik Utama Kebangsaan
Termasuk Kawasan-Kawasan Jln
Kebangsaan, Delima, Pulaie Dan
Anggerek Desa

Tarikh Tutup:
Selasa 6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:
Peti Tawaran, Pengerusi, Lembaga
Tawaran Kecil, Jabatan Perdana
Menteri, Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.



**Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 104 / 2025

Tajuk:
Provision Of Project Insurances For
"Proposed Mentiri (Brunei-Muara)
66kV S/S To New Perdayan
(Temburong) 66kV S/S Underground
Cable (66kV) Transmission Link"

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Harga Dokumen:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran,
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Syarikat Insurans Yang Diiktiraf dan
Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan lanjut boleh diperoleh
dari Unit Tawaran, Tingkat Empat,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Sebut harga hendaklah
dimasukkan ke dalam
Peti Sebut Harga dan
dialamatkan kepada Ibu
Pejabat, Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan, Jalan Muhibbah,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB3510
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang
pada Khamis, 8 Januari 2026.

Borang Sebut Harga:
BND7.00

1. JPt / SH / 106 / 2025 - 2026:
Supply And Delivery Of Laboratory
Material For The Implementation
Of ISO 17025 Accreditation

2. JPt / SH / 107 / 2025 - 2026
Construction Of New Concrete
Drain At Imang Dam Pump Station

3. JPt / SH / 108 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Membaikpulih Jalan
Ladang Di Kawasan Ladang
Padi MPK Batang Perhentian,
Mukim Pengkalan Batu,
Daerah Brunei Muara



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 132 / 25 - 26
Perkhidmatan Penggambaran Dan
Pos Produksi (Penyuntingan)
Rancangan Dakwah,
Bahagian Rancangan TV

Bayaran Yuran:
BND5.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (jika perlu dan
tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 24 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
(14-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Tawaran:
Pembekalan dan Penghantaran
Alat Dan Kelengkapan Pejabat
Bagi Unit dan Bahagian Di Bawah
Jabatan Pembangunan
Masyarakat (JAPEM) Untuk
Tempoh 24 Bulan

Tarikh Tutup:
Selasa, 23 Disember 2025



Bilangan Tawaran:
(16-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Tawaran:
Pembekalan dan Penghantaran
Ink Cartridge dan Toner Printer
Bagi Unit dan Bahagian Di Bawah
Jabatan Pembangunan
Masyarakat (JAPEM) Untuk
Tempoh 24 Bulan

Tarikh Tutup:
Selasa, 23 Disember 2025



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
(150) INFO / PK / K / 7 (2025-2026) :
Mencetak Poster (Insert) Dan
Memasang Ke Dalam Wall Mounted
Double Panel Floating Acrylic Frame

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis, 18 Disember 2025,
Jam 8.00 Pagi



Bilangan Tawaran:
(147) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
(147) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026):
Mencetak Buku Kompilasi Rencana
Khas 50 Tahun KDYMM Menaiki
Takhta

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis, 18 Disember 2025
Jam 8.00 Pagi



**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Pusat Kebangsaan E-Kerajaan,
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi

Bilangan Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 8.2025
Renewal of OGPC 3 Maintenance
and Support,
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan
(EGNC),
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi (MTIC)

Tarikh Tutup:
Selasa,
20 Januari 2026



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 199 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 200 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 201 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 202 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 203 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 204 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan**

Kelas:
V Sahaja

Kategori:
B01 Dan KA01

Bilangan Tawaran:
JKR/DBSBM038/2025

Nama Tawaran:
Menaiktaraf Gelanggang Tenis,
Kompleks Sukan Negara Hassanal
Bolkiah (Ditawarkan Semula)

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Projek:
2025DBSBM / KKBS.04

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 23 Disember 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Disember 2025



**Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan**

Kelas:
III / IV Sahaja

Kategori:
B01 Dan KA01

Bilangan Tawaran:
JKR/DBSBM039/2025

Nama Tawaran:
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Kerosakan Di Bangunan Rekrut Blok
A & B, Pusat Latihan Polis, Kompleks
Ibu Pejabat Polis Gadong

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Projek:
2025DBSBM / PDB.06

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen
Tawaran:**
Selasa, 23 Disember 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Disember 2025



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V & VI

Kategori:
KA01 (Kod Baharu)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 13 Januari 2026,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 35 / BKTKS / 2025-T / V

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tanah
Susur Di Kawasan No.19 Simpang
101, Jalan Kayu Sumah, RPN
Kampung Bukit Beruang

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
10 Disember 2025

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 30 Disember 2025
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Januari 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 34 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih dan Menurap Semula
Jalan Utama - Jalan Gadong Fasa 2

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
III & IV

Kategori:
KA01 (Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 23 Disember 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Januari 2026,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 34 / BKTKS /
2025-T / III

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Struktur Bangunan Membina
Semula Apron Dan Longkang
Konkrit Sekolah Rendah Dipa
Negara Pengiran Jaya Sengkarai

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


>> Muka 15

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 205 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 206 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 207 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 208 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 209 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 210 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of

Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 211 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 212 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 213 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
Selasa
6 Januari 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang


KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 184 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 185 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 186 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 187 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 188 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 189 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department

Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 190 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 191 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 192 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 193 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran :
BND 10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 194 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 195 / 2025 / PHARM (TC)

Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 196 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 197 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 198 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 351 / 2025 /
ESTETRIHASH (TC)

Keterangan:
Term Contract For
Comprehensive Maintenance Of
Pneumatic Tube System And
Associated Accessories At Raja
Isteri Pengiran Anak Saleha
Hospital For A Period Of Three
(3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 352 / 2025 /
ESTETRIHASH

Keterangan:
Renovation Works Of Ward 1,
Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha Hospital

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 353 / 2025 / HTD

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Intensive Care Unit (ICU) Beds
For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 355 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Prosthetic Consumable Items
For Department Of Dental
Services, Ministry Of Health For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 356 / 2025 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 357 / 2025 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025
Tidak lewat jam 2.00 petang



**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

Pemohon-Pemohon terdiri dari
rakyat Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam adalah dipelawa untuk
memohon jawatan berikut:

Jawatan:
Pembantu Perpustakaan Tingkat II

Tangga Gaji:
D.1-2EB.3
[BND530 - BND1,125]

Kekosongan:
4 Jawatan

Jabatan:
Universiti Brunei Darussalam

**Menghadapkan Borang
Permohonan**

1. Pemohon-pemohon hendaklah
melengkapkan permohonan melalui
pautan ini:
<https://tinyurl.com/PPTKT2>

2. Hendaklah memuat naik Salinan
sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang
terkini dan dokumen-dokumen yang
berkaitan. Permohonan hendaklah
disikan dengan lengkap tidak lewat
30 Disember 2025.

3. Bagi pemohon-pemohon yang
sedang berkhidmat dalam
perkhidmatan Kerajaan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam adalah
dikehendaki untuk menghadapkan
salinan asal dokumen-dokumen yang
lengkap (melalui Ketua Jabatan)
seperti berikut:

Satu (1) Laporan Sulit
Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun
kebelakangan (sekurang-kurangnya
di tahap Sangat Baik)
Satu (1) salinan rekod perkhidmatan
yang telah dikemaskinikan

4. Dokumen-dokumen berkenaan
hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Pejabat Sumber Manusia
Universiti Brunei Darussalam
Jalan Tungku Link, Gadong
BE1410
Negara Brunei Darussalam
[U.P: Bahagian Pengambilan]**

Sila Ambil Perhatian:

5. Hanya pemohon-pemohon yang
memenuhi syarat kelayakan
minimum (**shortlisted**) akan
dipanggil Ujian dan / atau dipanggil
Temu Duga.

6. Bagi permohonan yang tidak
lengkap, tidak mengikut tatacara
yang ditetapkan dan lewat diterima
tidak akan dilayan.

7. Untuk sebarang pertanyaan atau
maklumat lanjut, sila hantar e-mel ke:
admin.recruitment@ubd.edu.bn



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU /
GSU / TA / 8004

Purchase Of Uniform And
Accessories For Gurkha Security
Unit

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
**Isnin,
5 Januari 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / NAU /
IL / TA / 1001

Pembelian Plastic Target Figure
11/59 & 12/59, Paper Target 4FT
12/59 (Single, Double & Triple)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
**Selasa,
23 Disember 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / FY2025 / GCAU / GSU /
TA / 8006

Supply Of Dog Foods For Gurkha
Security Unit (GSU) - One
(1) Year Contract

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalahsebelum
tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin,
22 Disember 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 Disember 2025
2.00 Petang



**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / LTK / BHEP / 01-12 /
2025-2026

Tawaran Penyajian Makan Dan
Minum Asrama Kolej Universiti
Perguruan Ugama Seri Begawan
Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
9 Rejab 1447H / 30 Disember
2025M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / LTK / PE / 01-12 /
2025-2026

Supply And Delivery Of
Educational Loose Furniture To
Kolej Universiti Perguruan Ugama
Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / LTK / PE / 02-12 /
2025-2026

Supply And Delivery Of Office
Loose Furniture To Kolej Universiti
Perguruan Ugama Seri Begawan



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / LIB / 01-12 /
2025-2026

Pembekalan Buku Rujukan Bagi
Kegunaan Perpustakaan Kolej
Universiti Perguruan Ugama
Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / IPRC / 01-12 /
2025-2026

Membekal Dan Menghantar
Plaque With Box Bagi Kolej
Universiti Perguruan Ugama
Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / IPRC / 02-12 /
2025-2026

Membekal Dan Menghantar
Kamera Dan Peralatan Bagi Kolej
Universiti Perguruan Ugama
Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
10 Rejab 1447H /
31 Disember 2025M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**

UNISSA / SB0053 / 2025 / 2026
To Fabricate, Reprint And
Replace Existing Signages At
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA) Sinaut Tutong
Campus

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
31 Disember 2025
Jam 2.00 Petang

SEORANG INDIVIDU DIKENAKAN DENDA KOMPAUN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait

BELAIT, Isnin, 15 Disember. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait (JDB), baru-baru ini, telah mengeluarkan satu denda kompaun ke atas seorang individu berjumlah BND500 kerana telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan - Kesalahan Rampaian, 2021 (Penggagal 30), Bab 12 (1) (d) iaitu menggugur, menumpah atau menghamburkan sebarang habuk, pasir, tanah liat, tanah gambur, batu kerikil, rumput, jerambi, tatal, habuk kayu, abu, kotoran kebun, kotoran bangsal, kotoran perniagaan, baja, sampah atau apa jua barang dan bahan lain di sebarang tempat awam, sama ada dari sesebuah kenderaan yang bergerak atau tidak, atau dalam apa jua cara lain.

Unit Penguatkuasaan JDB, sekali lagi memberi peringatan bagi kesalahan - kesalahan berkaitan dengan pembuangan sampah di tempat awam.

Bagi individu, jika sabit

kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND1,000 dan tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama. Manakala bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang BND3,000 dan tidak melebihi BND9,000; dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan, atau kedua-duanya sekali.

Manakala badan-badan korporat yang melakukan kesalahan pertama di bawah bab ini boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000. Sementara itu, bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000; dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan, atau kedua-duanya sekali.

Operasi pemantauan harian ini adalah bertujuan bagi memastikan kebersihan persekitaran agar lebih terjaga. Mana-mana individu atau syarikat yang melakukan pembuangan sampah secara tidak bertanggungjawab akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang yang telah disediakan.

Unit Penguatkuasaan JDB, sentiasa memberi peringatan kepada mana-mana individu atau pun badan-badan korporat agar mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa di negara ini bagi

SEORANG individu telah dikenakan kompaun oleh Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait kerana telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian, 2021 (Penggagal 30), Bab 12 (1) (d).

sama-sama menjaga kebersihan kawasan serta alam sekitar dengan membuang bahan-bahan buangan di kawasan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Untuk sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi Unit Penguatkuasaan JDB di talian +673 3334335 sambungan 1404 atau 1153 (Unit).



IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. Hubungi kami +6738265111 untuk pertanyaan lanjut.

Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland


Cucur Pisang Kampung Serasa

BAHAN-BAHANNYA :
3/4 cawan tepung gandum
1/4 cawan tepung beras
2 sudu kecil *baking powder*
Secubit garam
1 biji telur
Air secukupnya hingga adunan pekat
7 biji pisang
Minyak untuk menggoreng

CARA-CARA MEMASAK :
Sediakan pisang : Kupas pisang dan potong mengikut saiz yang awda inginkan (belah dua).
Mula-mula sediakan adunan tepung di dalam mangkuk, campurkan tepung gandum, tepung beras, *baking powder*, dan garam. Kemudian masukkan telur ke dalam campuran tepung.

Masukkan air sedikit demi sedikit sambil dikacau rata hingga adunan pekat dan boleh melekat pada pisang.

Setelah itu, celupkan setiap hirisan pisang ke dalam adunan tepung sehingga tersalut rata. Panaskan minyak dalam kualiti dengan api sederhana. Goreng pisang yang telah disalut adunan hingga kekuningan dan garing. Angkat pisang goreng dari kualiti dan toskan minyaknya. Siap untuk dihidangkan.





Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg Durahman

TAHUKAH awda setiap tahun seluruh dunia akan menyambut Hari Tandas Sedunia pada setiap 19 November. Walaupun kedengaran agak aneh bagi sesetengah orang kerana wujudnya tarikh ini, tetapi ia sebenarnya sangat penting untuk meningkatkan kesedaran tentang sanitasi, kebersihan dan kesihatan awam. Kita sememangnya sangat memerlukan dan menggunakan ruangan ini setiap hari. Statistik menunjukkan bahawa lebih 4.2 bilion orang di seluruh dunia masih hidup tanpa akses kepada tandas yang selamat. Kajian Pertubuhan Tandas Sedunia (WTO) pula mendapati, seseorang individu secara purata menggunakan tandas sebanyak 2,500 kali setahun atau enam ke lapan kali sehari. Justeru, keperluan tandas yang bersih sangat penting dan perlu diberi perhatian sewajarnya.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kita mungkin lebih bernasib baik, tetapi cakna atau tidak bahawa isu tandas kotor, bau, dan penyelenggaraan yang kurang konsisten masih berlaku sama ada di rumah atau di tempat awam.

Walaupun NBD mempunyai akses kepada sanitasi dan air bersih, namun tahap kebersihan tandas khususnya tandas awam masih mengecewakan terutama di kompleks beli-belah, restoran-restoran, sekolah, pejabat kerajaan, hotel dan sebagainya.

Isu *kejelikan* tandas awam bukanlah masalah baharu untuk diperkatakan kerana ia sudah lama berlaku dalam sistem kehidupan masyarakat dan memandang remeh pembudayaan kebersihan tandas

awam.

Tandas awam adalah kemudahan asas yang sering dianggap remeh, tetapi fungsinya sangat penting. Ia memberi keselesaan kepada pengguna, mencerminkan imej tempat, malah turut menunjukkan tahap kesedaran sivik masyarakat. Namun, masih banyak aduan tentang tandas awam yang kotor, kekurangan bekalan air yang bersih, mangkuk tandas tersumbat dan kadang-kadang kerosakan yang tidak diperbaiki dengan segera bahkan ada sebilangan tandas dirosakkan dengan diconteng pelbagai perkataan-perkataan atau imej-imej yang kurang manis dan kurang sopan dilakukan oleh si pemugut.

Untuk menangani masalah ini, pihak bertanggungjawab perlu memastikan penyelenggaraan berkala, pemasangan peralatan pintar seperti sensor air dan elektrik dapat menjimatkan bekalan tenaga dan sumber di tandas awam. Selain itu, galakan kempen kesedaran kepada orang ramai supaya lebih menghargai kemudahan awam perlu diperluas agar tanggungjawab tersebut dapat digalas bersama. Bagi pengguna pula, kita boleh mengambil langkah mudah seperti membersihkan selepas digunakan, membuang sampah di tempat yang disediakan dengan betul dan melaporkan kerosakan. Sikap bertanggungjawab ini dapat memastikan tandas awam sentiasa bersih dan selesa digunakan bahkan ia juga mencerminkan imej orang-orang kita yang sentiasa bersikap bertanggungjawab terutama sekali di mata para pelancong yang turut sama

menggunakan tandas awam.

Selain tandas awam, kebersihan tandas di rumah juga amat penting. Tandas yang bersih mengurangkan risiko penyakit, memberikan keselesaan kepada penghuni dan tetamu yang bertandang, serta membentuk tabiat menjaga kebersihan sejak kecil. Beberapa langkah mudah boleh diterapkan dan dijadikan amalan harian dalam keluarga, antaranya:

- Memberus mangkuk tandas sekurang-kurangnya 2 - 3 kali seminggu.

- Menggunakan pencuci mesra alam dan berkesan membunuh kuman.

- Memastikan tandas mempunyai ventilasi yang baik untuk mengelakkan bau dan kulat.

- Mendidik anak - anak supaya membersihkan dan menutup penutup tandas selepas digunakan.

- Menyediakan tong sampah mini untuk tisu tandas yang telah digunakan.

Walaupun nampak mudah, amalan ini memberi impak yang besar terhadap kehidupan seharian keluarga. Tandas bersih di rumah menanam kesedaran bahawa kebersihan adalah tanggungjawab bersama, dan ia sekali gus mencerminkan sikap dan keperibadian tuan rumah seterusnya membentuk budaya positif yang berterusan kepada setiap tandas yang kita gunakan. Tanpa perlu disuruh, kesedaran menjaga kebersihan tandas awam tersebut sudah menjadi amalan seharian kita sejak di rumah lagi.

Hari Tandas Sedunia mengingatkan kita bahawa setiap tindakan kecil memberi impak yang besar. Membilas selepas digunakan, menutup penutup tandas, tidak membuang tisu atau tuala wanita dalam mangkuk

tandas, tidak merosakkan kemudahan yang disediakan dan menjaga kebersihan tandas awam adalah langkah mudah tetapi sangat berkesan. Inisiatif seperti contoh, kempen *#TandasBersihKitani* atau program komuniti membersihkan tandas awam secara gotong-royong boleh menyatukan masyarakat untuk menjaga kemudahan bersama. Kempen ini perlu melibatkan semua golongan usia. Kanak-kanak perlu belajar menjaga kebersihan sejak kecil, manakala golongan dewasa patut terus menjaga kebersihan tandas awam dan rumah.

Kebersihan tandas bukan sekadar keselesaan fizikal, tetapi juga mencerminkan kesihatan mental dan fizikal masyarakat. Dengan sikap bertanggungjawab dan tabiat sederhana, kita boleh memastikan setiap orang mendapat akses kepada tandas yang bersih dan selamat. Ia merupakan satu hak asas yang kadang-kadang kita anggap remeh namun sangat penting dalam kehidupan seharian.

Hari Tandas Sedunia bukan sekadar tarikh lucu atau sambutan biasa, tetapi panggilan untuk bertindak. Mulakan dari rumah sendiri, sebarkan kesedaran kepada keluarga, dan ambil berat terhadap tandas awam. Dengan setiap tindakan, kita membantu membina masyarakat yang lebih sihat, bersih, selesa untuk semua.

Justeru itu, semua pihak perlu berganding bahu, menyatukan tenaga dan kepakaran serta sumber untuk menjadikan NBD sebagai negara contoh yang mempunyai kemudahan tandas awam yang bersih dan disokong oleh penggunaan tandas yang beretika.





Fahami keperluan asas keselamatan makanan

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Jabatan Penerangan dan ihsan Autoriti Makanan Brunei Darussalam

Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

TUBUH manusia memerlukan makanan untuk menjalani kehidupan sehari-hari. Melalui ini kita dapat tenaga untuk bekerja dan yang paling penting memberi kesihatan yang baik. Makanan perlu disediakan dan dikendalikan pada tahap kebersihan yang tinggi. Oleh itu, pemahaman mengenai keperluan asas dalam penyediaan makanan oleh pengendali makanan adalah perlu bagi menjamin mutu keselamatan makanan.

Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA) ada menyediakan satu kursus yang dinamakan Kursus Pengendalian Makanan (Food Handler's Course).

Kursus pengendalian makanan adalah latihan bagi semua individu yang terlibat dalam penyediaan dan pengendalian makanan, bertujuan untuk memastikan kebersihan dan keselamatan makanan. Tidak kira sama ada pengendali makanan itu bekerja dengan syarikat ataupun hanya persendirian, kursus ini sememangnya ditujukan kepada semua individu yang terlibat secara langsung dalam pengendalian makanan. Kursus ini tidak mengenakan sebarang pembayaran buat masa ini.

Definisi pengendali makanan

Pengendali makanan ialah sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung dalam penyediaan makanan atau yang pekerjaan hariannya melibatkan kontak dengan makanan di premis atau institusi makanan (contohnya, pekerja pusat jagaan kanak-kanak yang juga membantu memberi makan anak damit dan kanak-kanak). Ini termasuklah pekerja yang mengendalikan makanan yang telah dibungkus atau bahan bersentuhan makanan seperti pembungkusan makanan dan pambalut

makanan.

Pengendali makanan mesti mengamalkan kebersihan peribadi yang baik pada setiap masa dan mempunyai pengetahuan yang sesuai untuk memastikan makanan yang dikendalikan selamat untuk dimakan. Sebagai sebahagian daripada usaha memastikan keselamatan makanan di Negara Brunei Darussalam, BDFA menghendaki semua pengendali makanan untuk mengikuti latihan Basic Food Safety dan memperoleh Sijil Pengendali Makanan. Latihan ini mengajar asas kebersihan dan amalan pengendalian makanan yang baik.

Kursus

BDFA kini menawarkan kursus keselamatan makanan untuk pengendali makanan. Selepas menghadiri kursus ini, pengendali makanan akan dapat memahami cara mengamalkan kebersihan diri yang baik; memahami cara mengendalikan makanan dengan betul; memahami cara menyimpan makanan dengan betul dan mengekalkan persekitaran kerja yang bersih.

Semua peserta kursus dikehendaki untuk menduduki Multiple-Choice Assessment selepas latihan. Hanya peserta yang lulus akan dianugerahkan Sijil Pengendali Makanan. Mereka yang tidak berjaya dikehendaki menjalani semula latihan dan penilaian.

Kursus ini dijalankan dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, terjemahan dalam bahasa Inggeris disediakan pada slaid pembentangan dan kertas Multiple-Choice Assessment. Pegawai BDFA yang mengendalikan kursus sentiasa bersedia untuk membantu peserta yang menghadapi kesukaran untuk memahami. Adalah dinasihatkan agar peserta memberitahu

keperluan bantuan mereka semasa pendaftaran.

Ada 13 topik yang diajarkan dalam kursus tersebut. Semua topik memberi tumpuan kepada amalan pengendalian makanan, merangkumi setiap peringkat daripada penyediaan awal makanan hingga kepada pengendalian yang selamat dan betul sepanjang proses tersebut.

Penyertaan kursus ini juga semakin meningkat dari tahun ke setahun yang mana seramai 3958 orang yang mengahdirinya pada 2025 (sehingga November) berbanding 3241 orang pada tahun 2024 dan 2542 orang pada tahun 2023 (sila rujuk Rajah 1).

Keperluan dokumen

Pengendali makanan yang bercadang untuk menyertai kursus hendaklah mengemukakan dokumen berikut ke kaunter BDFA:

1. Borang Lengkap F - Borang Permohonan untuk Kursus Basic Food Handlers Health Education.
2. Salinan jelas pengenalan diri yang sah (dengan gambar) daripada:

a. Kad Pengenalan Warganegara Brunei atau

b. Pasport (Warga Brunei atau Warga Asing)

3. Salinan bukti bahawa peserta telah menerima vaksinasi Typhoid yang masih sah. Jika peserta belum pernah menerima vaksinasi Typhoid sebelum ini, atau tempoh perlindungan vaksinasi telah tamat (dan memerlukan suntikan *booster*), peserta boleh:

a. Membuat temu janji melalui Aplikasi Bruhealth (Android/iOS) atau

b. Mendapatkan vaksinasi di klinik swasta.

Segala kos vaksinasi ditanggung oleh pengendali makanan atau pemilik premis makanan.

Sekiranya memilih untuk mendapatkan vaksinasi Typhoid dari Pusat Kesihatan Kerajaan, perlu diambil perhatian bahawa Vaksinasi Typhoid adalah tertakluk kepada ketersediaan dan sistem tempahan Kementerian Kesihatan.


Vaksin Typhoid adalah langkah pencegahan bagi pengendali makanan untuk melindungi kesihatan masyarakat. Vaksin Typhoid diambil oleh pengendali makanan kerana ia mencegah penyebaran Demam Kepialu (Typhoid) melalui makanan dan minuman yang tercemar. Demam Kepialu (Typhoid) merupakan penyakit berjangkit disebabkan oleh bakteria *Salmonella Typhi*. Ia boleh tersebar melalui makanan atau air yang tercemar. Ia boleh menyebabkan demam tinggi, sakit perut, cirit-birit atau sembelit, dan jika tidak dirawat boleh membawa maut.

Tempoh perlindungan vaksin ini adalah tiga tahun dan selepas itu perlu dapatkan suntikan ini semula.

Penutup

Kursus ini sememangnya direka untuk memberikan pendedahan kepada pengendali makanan mengenai kepentingan kebersihan dan keselamatan makanan. Ia bertujuan untuk memupuk kefahaman tentang pengendalian makanan yang betul serta mewujudkan kesedaran terhadap risiko yang berkaitan dengan pengendalian makanan yang tidak selamat.

Oleh itu, pihak BDFA mengharapkan agar para pengendali makanan yang belum mengikuti kursus ini dapat mengambil inisiatif untuk mengahdirinya secepat mungkin. Ini penting bagi memastikan mereka memahami keperluan asas keselamatan makanan, mengamalkan prosedur kebersihan yang betul, serta mematuhi peraturan dan piawaian yang ditetapkan demi menjamin keselamatan pengguna.



HUJAN LEBAT TENGGELAMKAN RATUSAN KHEMAH RAKYAT PALESTIN DI GAZA



BANDARAYA GAZA, 16 Dis. - Hujan lebat menenggelamkan ratusan khemah yang menempatkan rakyat Palestin yang kehilangan tempat tinggal di Semenanjung Gaza pada Isnin dan mengakibatkan beberapa kecederaan, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Seorang wanita mengalami kecederaan tahap sederhana selepas dinding sebuah rumah runtuh dan menghempap khemahnya di barat Bandaraya Gaza, menurut sumber perubatan

kepada Anadolu.

Menurut saksi, ratusan khemah yang menempatkan keluarga kehilangan tempat tinggal ditenggelami air di kawasan Chalet, barat Bandaraya Gaza, ketika wilayah itu dilanda sistem tekanan rendah yang baharu.

Saksi berkata angin kencang menyebabkan kerosakan meluas terhadap puluhan khemah dan menerbangkan banyak daripadanya, ketika penduduk cuba mengukuhkan khemah masing - masing serta

menyelamatkan harta benda mereka daripada banjir.

Hujan lebat itu berlaku beberapa hari selepas sekurang-kurangnya 11 rakyat Palestin terkorban akibat ribut kuat yang melanda wilayah Palestin itu, menyebabkan kerugian langsung awal sebanyak US\$4 juta, menurut Pejabat Media Kerajaan.

Ketua Kesatuan Majlis Perbandaran Gaza Yahya al-Sarraj memberi amaran mengenai kesan serius akibat sistem tekanan rendah baharu itu.

"Kekurangan bahan api yang genting memburukkan lagi keadaan malapetaka di Gaza dan menjejaskan usaha mengendalikan jentera serta stesen pam, terutama ketika cuaca buruk," katanya.

Sarraj turut memberi amaran mengenai kemungkinan runtuh bangunan kediaman yang rosak dan dijadikan tempat perlindungan oleh penduduk yang hilang tempat tinggal, sekali gus mengancam nyawa orang awam.

Menurut Pejabat Media Gaza,

13 bangunan yang sebelum ini musnah akibat serangan Israel di Semenanjung Gaza runtuh semasa ribut baru-baru ini.

Beliau merayu agar bantuan kecemasan disalurkan dengan segera, termasuk pakaian musim sejuk, selimut, tilam dan kaedah pemanasan yang selamat, bagi mengurangkan penderitaan penduduk dalam keadaan cuaca yang teruk. - ©BERNAMA

Wanita rugi RM359,150 terperdaya sindiket penipuan panggilan telefon

BUKIT MERTAJAM, 16 Dis. - Polis mengesahkan seorang kerani sebuah syarikat swasta di Perai di sini kerugian RM359,150 selepas terperdaya sindiket penipuan panggilan telefon yang menyamar sebagai pegawai syarikat e-dagang baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah ACP Helmi Aris berkata wanita berusia 60 tahun berkenaan membuat laporan polis

berhubung kejadian itu pada Sabtu lepas dan siasatan lanjut dijalankan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Mangsa memaklumkan ketika berada di tempat kerja pada 7 Mac lepas, beliau menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai wakil sebuah syarikat e-dagang yang mendakwa data butiran peribadi wanita itu terlibat

penjualan ubat tiruan sehingga menyebabkan seorang pengguna dimasukkan ke hospital selepas menggunakannya.

"Panggilan itu kemudiannya disambungkan kononnya kepada seorang pegawai polis yang memaklumkan mangsa turut terlibat pengubahan wang haram dan meminta wanita itu memberikan kerjasama kepada polis untuk siasatan lanjut serta

mengikut arahan yang diberikan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata wanita itu melakukan 27 transaksi ke dalam sembilan akaun bank berbeza membabitkan jumlah keseluruhan RM359,150 sejak 7 Mac hingga 1 Okt lepas, malah suspek mengarahkan wanita itu hadir ke mahkamah di Light Street bagi prosiding berkaitan pada 13 Dis. Helmi berkata mangsa telah

hadir dah menunggu sehingga semua prosiding selesai namun namanya tidak dipanggil oleh pihak mahkamah.

"Mangsa buat semakan di kaunter mahkamah dan mendapati namanya tidak tersenarai sebarang kes serta tiada dalam rekod mahkamah, setelah menyedari dirinya menjadi mangsa penipuan, beliau bertindak membuat laporan polis," katanya. - ©BERNAMA

Trend pembangunan China tidak dapat dihalang

BEIJING, 15 Dis. - Rancangan Lima Tahun (FYP) ke-15 bagi Pembangunan Ekonomi dan Sosial China yang memberi keutamaan kepada pembangunan bermutu tinggi merupakan satu keputusan yang amat bijak, kata bekas Wakil Tetap Singapura ke Pertubuhan Bangsa - bangsa Bersatu (PBB), Kishore Mahbubani dalam temu bual bersama Kumpulan Media China (CMG) baru-baru ini.

Baru-baru ini, China telah mengadakan Sidang Kerja Ekonomi Pusat bagi menggariskan hala tuju pembangunan ekonomi negara untuk 2026, sekali gus meletakkan asas kepada pelaksanaan FYP-15 bagi tempoh

2026 hingga 2030.

Mahbubani turut memberikan penilaian positif terhadap komitmen China yang menekankan pembangunan jangka panjang.

Pada awal November lalu, beliau menyertai Ekspo Import Antarabangsa China (CIIE) buat kali pertama dan menyifatkan pengalamannya itu sebagai amat mengujakan.

Beliau berkata China merupakan satu-satunya negara di dunia yang menganjurkan ekspo import khusus.

Menurut Mahbubani, negara-negara Barat sering menuntut supaya China melayan mereka secara adil dalam perdagangan antarabangsa.

"Negara-negara itu sebelum ini mengimport pelbagai barangan dari seluruh dunia. Mereka berupaya menganjurkan ekspo import, namun tidak berbuat demikian," katanya.

Beliau turut menyifatkan langkah China menurunkan kadar tarif ke tahap sifar bagi produk import dari negara-negara Afrika sebagai satu keputusan amat signifikan yang mampu menyokong pembangunan benua itu.

"Pada pandangan saya, menghentikan sekat terhadap China merupakan tindakan yang bijak bagi Amerika Syarikat kerana trend pembangunan China tidak dapat dihalang," kata Mahbubani. - ©BERNAMA

14 maut dalam banjir kilat di Maghribi

RABAT, (Maghribi), 15 Dis. - Hujan lebat dan banjir kilat mengorbankan sekurang-kurangnya 14 orang dan mencederakan 32 yang lain di Wilayah Safi, sebuah wilayah pantai Atlantik di Maghribi, kata pihak berkuasa tempatan dalam satu kenyataan pada Ahad, lapor Xinhua.

Banjir itu dicetuskan oleh ribut petir kuat yang melanda wilayah terbabit dalam tempoh kira-kira satu jam, mengakibatkan puluhan rumah dan premis perniagaan dinaiki air, menurut kenyataan itu.

Menurut satu laporan terdahulu oleh agensi berita negara MAP, kira-kira 70 rumah dan premis perniagaan di bandar Safi dinaiki air, manakala 10 kenderaan hanyut dibawa arus deras. Banjir itu juga merosakkan jalan raya, mengakibatkan gangguan trafik yang meluas, lapor MAP.

Pihak berkuasa berkata usaha sedang diteruskan untuk mencari orang yang dilaporkan hilang serta memulihkan akses jalan dan perkhidmatan awam di seluruh wilayah berkenaan. - ©BERNAMA

Jaminan keselamatan bilateral alternatif kepada kemasukan Ukraine ke dalam NATO - Zelenskyy

ISTANBUL, 15 Dis. - Presiden Ukraine Volodymyr Zelenskyy pada Ahad menyifatkan jaminan keselamatan dua hala dengan Amerika Syarikat (AS), Eropah dan negara-negara lain sebagai satu "kompromi" kepada proses kemasukan Ukraine ke dalam Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO), lapor Anadolu Ajansi.

Bercakap kepada pemberita, Zelenskyy mengimbau kembali pendirian negaranya yang sudah lama berhasrat untuk menyertai pakatan pertahanan itu, memandangkan ia akan memberikan "jaminan keselamatan sebenar", namun berkata beberapa rakan Kyiv di AS dan Eropah tidak menyokong pendekatan itu.

Beliau berkata Ukraine kini sedang berusaha mendapatkan jaminan keselamatan dua hala dengan Washington, khususnya "jaminan seumpama Artikel 5", merujuk kepada Artikel 5 Perjanjian Atlantik Utara, selain jaminan daripada negara-negara lain dan Eropah, termasuk Kanada dan Jepun.

"Jaminan keselamatan ini bagi kami adalah peluang untuk menghalang pencerobohan Rusia daripada berulang. Dan ini sudah merupakan kompromi daripada pihak kami," kata Zelenskyy, menurut agensi berita RBC-Ukraine.

Kenyataan Zelenskyy itu menandakan satu perubahan besar dalam pendekatan Kyiv terhadap keahlian NATO, yang telah termaktub dalam Perlembagaan Ukraine sebagai satu matlamat berikutan undian parlimen bagi menggubal pindaan perlembagaan pada 2019.

Persekutuan Rusia secara konsisten menyuarakan bantahan terhadap penyertaan Ukraine ke dalam NATO. - ©BERNAMA

Lebih 900 rakyat Sudan tinggalkan Kordofan Selatan susulan keselamatan yang semakin merosot

KHARTOUM/ISTANBUL, 15 Dis. - Lebih 900 orang telah meninggalkan negeri Kordofan Selatan di selatan Sudan sejak tiga hari lepas susulan keadaan keselamatan yang semakin merosot, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik Pertubuhan Antarabangsa bagi Migrasi (IOM).

Dalam kenyataan berasingan, agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) itu berkata pasukan penjejak pemindahannya menganggarkan seramai 365 orang melarikan diri dari Bandar Kadugli antara 11 hingga 13 Disember ekoran keadaan keselamatan yang merosot.

Seramai 85 orang lagi dipindahkan dari Pekan al-Kuwayk di kawasan luar bandar timur Kordofan Selatan dalam tempoh sama, menurut pertubuhan itu.

IOM berkata seramai 455 lagi orang melarikan diri dari Bandar Dilling dalam tempoh tiga hari yang

sama akibat keadaan tidak selamat yang semakin memuncak.

Keluarga - keluarga itu berpindah ke pelbagai lokasi, terutamanya di negeri Kordofan Utara, serta negeri Nil Putih di selatan dan negeri Khartoum di tengah Sudan, menurut pertubuhan berkenaan.

IOM berkata keadaan kekal sangat tidak menentu dan tegang, sambil menambah bahawa ia memantau rapi perkembangan di lapangan.

Peningkatan perpindahan di Kordofan Selatan berlaku apabila pertempuran semakin hebat antara tentera Sudan dan pasukan separatentara Pasukan Sokongan Pantas(RSF), bersama sekutu mereka, Pergerakan Pembebasan Rakyat Sudan-Utara (SPLM-N).

Anggaran PBB menunjukkan lebih 41,000 orang melarikan diri daripada keganasan yang

memuncak di Kordofan Utara dan Selatan sepanjang November.

Ketiga - tiga negeri Kordofan - Utara, Barat, dan Selatan - menyaksikan minggu-minggu pertempuran sengit antara tentera dan RSF, mendorong puluhan ribu orang melarikan diri.

Daripada 18 negeri Sudan, RSF mengawal kesemua lima negeri Wilayah Darfur di barat, kecuali beberapa bahagian utara Darfur Utara yang kekal di bawah kawalan tentera.

Tentera pula menguasai kebanyakan kawasan di 13 negeri lain di selatan, utara, timur, dan tengah, termasuk ibu negara Khartoum.

Konflik antara tentera Sudan dan RSF, yang bermula pada April 2023, telah mengorbankan ribuan nyawa dan mengakibatkan berjuta-juta yang lain terpaksa berpindah. - ©BERNAMA

KONTINJEN NBD SELAMAT KEMBALI KE TANAH AIR

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Disember. - Rombongan Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) seramai 37 orang terdiri daripada Pegawai Urus Setia, medik, pasukan wushu, pasukan pencak silat, pasukan renang dan pasukan angkat berat sukan para ASEAN Ke-33 di Bangkok Thailand, telah kembali ke tanah air setelah menyertai Kejohanan Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 2025.

Berada di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Haji Ali Rahman bin Haji Sulaiman, diikuti dengan ucapan tahniah kepada kontinjen NBD dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berpendapat kejayaan yang diraih

oleh kontinjen negara merupakan satu pencapaian yang amat baik sekali.

Menurut Yang Berhormat, kontinjen NBD turut mempamerkan peningkatan prestasi yang amat baik sekali terutama sekali sukan wushu negara yang berjaya meraih satu pingat emas melalui Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan cukup membanggakan.

Semasa ditemui, pemenang pingat emas bagi sukan wushu, Awang Mohammad Adi Salihin menyuarakan rasa terima kasih kepada pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana diberi peluang menyertai Kejohanan Sukan SEA kali ini, sekali gus menyumbang pingat emas pertama buat dirinya dan NBD.

Beliau, seterusnya mengucapkan terima kasih juga kepada jurulatih, kedua ibu bapanya dan semua yang terlibat kerana sentiasa



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir menyambut ketibaan kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) dan memberikan ucapan tahniah kepada para kontinjen negara bagi Kejohanan Sukan SEA Ke-33 (atas). Sementara gambar bawah kiri, Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan ketika ditemu bual.

memberikan sokongan yang berterusan selama ini dalam usaha meraih pingat emas yang di nanti-nantikan oleh negara.

"Saya akan terus berusaha dengan lebih gigih di masa akan datang dan untuk perancangan akan datang, saya akan menjalani latihan dan persediaan bagi kejohanan seterusnya dan akan berusaha untuk meningkatkan lagi untuk mendapat pingat emas," terangnya lagi.

Atlet wushu negara berjaya meraih satu pingat emas melalui Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan dalam acara Men's Nandao, Nangun dan Nanquan All-Round, satu pingat perak melalui Dayang

Basma Lachkar dalam acara Women's Taijiquan dan Taijijian All-Round, dan dua pingat gangsa melalui Awang Majdurano Joel bin Majallah Sain dan Awang Abel @ Lim Wee Yuan dalam acara Men's

Weapons Duilian.

Manakala atlet pencak silat berjaya meraih satu pingat perak melalui Dayang Nurul Wasiqah Aziemah binti Rosihan dalam acara Women's Single (Tunggal).

Karnival Sukan PMUBD 2025 buka tirai

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Disember. – Karnival Sukan PMUBD 2025 membuka tirainya di Padang 'A' Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD), dengan menghimpunkan komuniti UBD terdiri daripada atlet, pelajar, kakitangan dan tetamu jemputan, untuk memulakan aktiviti sukan antara fakulti tahun ini secara rasmi.

Acara tersebut dianjurkan oleh Eksekutif Sukan dan Rekreasi, dengan kerjasama Unit Aktiviti dan Pembangunan Pelajar, Seksyen Hal Ehwal Pelajar.

Karnival Sukan akan berlangsung dari 16 Disember 2025 hingga 19 April 2026.

Majlis dimulakan dengan ketibaan tetamu kehormat, Timbalan Naib Canselor UBD, Profesor Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman, diikuti bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Naib Ketua Eksekutif Sukan dan Rekreasi, Awangku Mohd. Hazmi Iman Pengiran Khairul Hisham, selaku Yang Bertanggungjawab (Project-In-Charge) bagi Karnival Sukan PMUBD 2025 kemudian menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Setelah itu, tetamu kehormat merasmikan pelancaran Karnival Sukan, menandakan permulaan pertandingan antara fakulti, diikuti dengan perarakan yang mewakili empat rumah sukan iaitu Qing Dynasty (FASS), Greek Empire (FOS x SDS), Abbasid Dynasty (IHS x APB), dan Persian Empire (FIT x SBE).

Majlis diteruskan dengan bacaan Ikrar Sukan (Sumpah Sukan), yang mengesahkan komitmen atlet terhadap semangat kesukanan dan kerja berpasukan, diikuti dengan persembahan padang yang bertenaga dari setiap rumah.

Acara pertandingan yang lain seperti tarik kalat dan balapan telah memeriahkan lagi suasana, mempamerkan dedikasi dan semangat juang atlet UBD yang membara ketika mereka mewakili fakulti masing-masing.

Anugerah dan hadiah kemudiannya disampaikan kepada peserta dan pasukan yang cemerlang, sekali gus menamatkan majlis. Acara pembukaan tersebut telah mencetuskan suasana yang meriah untuk Karnival Sukan PMUBD 2025.

Untuk maklumat terkini tentang aktiviti akan datang, layari laman sesawang rasmi UBD atau ikuti @ubdbuzz dan @studentaffairsibd di Instagram.



KARNIVAL Sukan PMUBD 2025 akan berlangsung dari 16 Disember 2025 hingga 19 April 2026.

Team RnV, Raven Klasik pamer aksi cemerlang

■ Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Rashid Julaihi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Disember. - Pasukan *dodgeball* tempatan, Team RnV dan Raven Klasik, telah mencatat pencapaian membanggakan apabila masing-masing berjaya meraih tempat kedua dan ketiga dalam Kejohanan Penutup 3rd Open Dodgeball Tournament bagi tahun ini, anjuran Brunei Dodgeball Association, yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Kejohanan tersebut yang dilaksanakan menggunakan format *round robin* telah menghimpunkan

pasukan - pasukan terbaik tempatan serta menyaksikan tahap persaingan yang tinggi dan berterusan sepanjang kejohanan berlangsung.

Team RnV, yang dianggotai oleh pemain kebangsaan serta pemain berpengalaman, telah mempamerkan prestasi yang konsisten dan berdaya saing sebelum menamatkan saingan di tempat kedua selepas tewas kepada pasukan Untitled.

Sementara itu, Raven Klasik turut menunjukkan tahap disiplin, komitmen, dan semangat

kesukanan yang tinggi apabila berjaya mengesahkan kedudukan di tempat ketiga selepas menewaskan pasukan 1212.

Pencapaian ini mencerminkan perkembangan positif serta kematangan arena *dodgeball* tempatan, di samping menjadi penutup yang signifikan bagi kalendar kejohanan *dodgeball* sepanjang tahun ini.

Pihak penganjur mengucapkan setinggi - tinggi tahniah dan penghargaan kepada Team RnV dan Raven Klasik atas pencapaian cemerlang mereka, serta kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan kejohanan ini.



PARA pemenang bergambar ramai pada majlis penutup Kejohanan Penutup 3rd Open Dodgeball Tournament.

BASMA LACHKAR RANGKUL PINGAT PERAK



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANGKOK, THAILAND, Isnin, 15 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) berkenan

berangkat menyaksikan acara Wushu Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 yang berlangsung di Kompleks Kerajaan Chaeng Watthana. Pada acara tersebut, atlet wushu NBD, Basma Lachkar meraih pingat perak dalam acara Taijiquan & Taijijian All Round Wanita dengan meraih 9.780 mata. Manakala pingat emas diraih oleh atlet Republik Filipina dan

pingat gangsa diraih oleh atlet Republik Singapura.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan mengurniakan pingat kepada para pemenang.

Sementara itu, pada sebelah petang, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan acara Renang yang berlangsung di National Swimming Pool, Sports Authority of Thailand.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) berkenan berangkat dan seterusnya mengurniakan pingat kepada para pemenang acara Wushu Taijiquan & Taijijian All Round Wanita (atas dan kiri).

Dalam acara Renang, pasukan negara gagal meraih sebarang pingat serta tidak berjaya memperbaharui rekod kebangsaan yang dicatatkan pada Sukan SEA 2023. Dalam acara 4x100 meter (m) gaya bebas, pasukan negara menamatkan perlumbaan di kedudukan terakhir daripada enam pasukan bertanding, sekali gus memperlihatkan beberapa aspek yang masih perlu dipertingkatkan. Joel Ling memberikan permulaan



THAILAND
2025

yang sangat baik dengan mencatat masa 52.72 saat (s) untuk pasukannya dan telah memperbaharui rekod sebelumnya iaitu 53.59s bagi 100m gaya bebas. DYTJM juga berkenan mengurniakan pingat kepada pemenang pasukan 4x100m gaya bebas lelaki kepada pasukan meraih pingat emas iaitu pasukan Republik Singapura, pingat perak kepada pasukan Republik Sosialis Viet Nam dan pingat gangsa kepada pasukan Malaysia.

KGA Mission AJS juarai Kejohanan Dart anjuran MPK Lumapas 'B'



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang Kejohanan Dart Terbuka 2025 (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir menyertai kejohanan berkenaan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan AJK Majlis Perundingan Kampung Lumapas 'B'

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Disember. - Kumpulan KGA Mission AJS membuktikan kehebatan mereka sehingga berjaya menjuarai Kejohanan Dart Terbuka 2025 anjuran Majlis

Perundingan Kampung Lumapas 'B' bertempat Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas, Bengkurong.

Juara kejohanan yang hanya menentang dalam beregu terbuka

itu membawa pulang hadiah wang tunai BND600 berserta trofi dan sijil penyertaan.

KGA Mission AJS sekali gus menempatkan Pasukan D'Amazing USC Koiifish di tangga kedua yang menerima hadiah wang tunai BND300, trofi dan juga sijil penyertaan.

Sementara Pasukan-pasukan D'Amazing KBT Hebay dan D'Amazing USC Koiifish 2, masing-masing memenangi di tangga ketiga dan keempat dengan membawa pulang wang tunai BND150, trofi dan sijil penyertaan.

Penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B'.

Seramai 102 pasukan dengan 204 peserta telah menyertai kejohanan sehari itu bersempena memeriahkan lagi Festival Disember Brunei 2025 dan di bawah pengurusan Awang Haji Md. Hady Yusra bin Haji Md. Yussof dan Awang Md. Helmi bin Md. Noor.

Kejohanan tersebut juga merupakan satu acara yang terkandung dalam acara sukan yang dipertandingkan seperti dalam perancangan aktiviti dalam 'Focus of Event' MPK Lumapas 'B' hasil kolaborasi antara MPK dan pemain dart Kampung Lumapas.

Adanya kejohanan seumpama itu juga diharap dapat menggalakkan penyertaan dalam sukan dalam kalangan masyarakat kampung.

Selain itu, ia dapat mencungkil dan mengembangkan bakat-bakat dalam sukan dart serta memupuk semangat kesukanan dan persahabatan dalam kalangan peserta.




PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan



SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.



ADI SALIHIN RAIH EMAS

Oleh : Muhammad Khairulanwar
Ali Rahman

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

BANGKOK, THAILAND, Selasa, 16 Disember. - Atlet wushu Negara Brunei Darussalam (NBD), Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan berjaya mengharumkan nama negara selepas meraih pingat emas menerusi acara gabungan Nanquan, Nangun dan Nandao di temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33.

Berangkat menyaksikan dan mengurniakan pingat kepada para pemenang ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD.

Pada acara yang berlangsung di Kompleks Kerajaan Chaeng Watthana itu, Awang Mohammad Adi Salihin juga mendapat skor markah tertinggi dalam setiap disiplin acara. Kejayaan ini jelas menampakkan kehebatan dalam penguasaan teknikal serta kematangan persembahan beliau dalam disiplin Wushu.

Awang Mohammad Adi Salihin berjaya mengalahkan atlet Republik Singapura dan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) berkenan bergambar ramai bersama kontinjen Negara Brunei Darussalam di Sukan SEA Ke-33 (atas). Manakala gambar bawah, aksi persembahan Awang Mohammad Adi Salihin pada acara Nandao.

Malaysia yang masing-masing meraih pingat perak dan gangsa.

Pencapaian ini merupakan pingat emas keempat Awang Mohammad Adi Salihin di Sukan SEA dan sebelum ini turut meraih pingat emas di Sukan SEA 2019 dalam acara gabungan Nandao dan Nangun; Sukan SEA 2021 dan 2023 dalam acara Nanquan.

Rekod pencapaian yang konsisten sejak 2019 ini mencerminkan dedikasi tinggi, disiplin latihan yang berterusan

serta komitmen luar biasa beliau sebagai seorang atlet elit negara.

Kejayaan mempertahankan prestasi beliau di temasya Sukan SEA juga membuktikan kemampuan Awang Mohammad Adi Salihin sebagai seorang anak Brunei mampu menjadi jaguh di peringkat serantau dan antarabangsa.



Pingat perak milik Dayang Nur Wasiqah Aziemah

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

Foto : Azmah Haji Ahad



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) berkenan bergambar ramai bersama para pemenang pencak silat Seni Tunggal Wanita, di mana atlet NBD berjaya meraih pingat perak.

BANGKOK, THAILAND, Isnin, 15 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) berkenan berangkat menyaksikan acara Pencak Silat Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 yang berlangsung di IMPACT Arena, Muang Thong Thani.

Dalam acara Pencak Silat, atlet NBD Dayang Nur Wasiqah Aziemah binti

Rosihan berjaya merangkul pingat perak dalam acara Seni Tunggal Wanita selepas mencatat 9.945 mata di peringkat akhir menentang Malaysia yang meraih pingat emas.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan mengurniakan maskot kepada pemenang-pemenang pencak silat Seni Tunggal Wanita.

Pingat perak yang diraih oleh Dayang Nur Wasiqah Aziemah ini merupakan pingat perak pertamanya di temasya Sukan SEA, selepas meraih pingat gangsa pada edisi lalu.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SEMPURNAKAN ADAB SESUAI DENGAN AKHLAK DAN AJARAN RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM